Bahasa Jepun tidak mempunyai nada tetapi sebutan setiap suku kata mempunyai tempo yang juga disebut *mora*. Setiap suku kata itu dikira sebagai satu *mora*. Sebagai contoh, perkataan *okane* mempunyai tiga *mora*. Sebutan setiap *mora* itu perlu jelas serta mempunyai tempo. Iaitu satu *mora* dikira satu tempo. Namun bagi pelajar China, mereka sukar untuk menyebut 3 *mora* mengikut tempo yang sekata. Mereka akan berusaha menyebut ketiga-tiga *mora* dalam satu tempo. Ini menyukarkan guru atau mereka yang mendengar sebutan pelajar tersebut. Satu lagi contoh, pelajar juga membuat kesilapan dalam vokal panjang dan vokal pendek bahasa Jepun. Seperti contoh, *Yuuki* (3 *mora*) dan *Yuki* (2 *mora*). Kedua-dua mempunyai maksud yang berbeza iaitu keberanian (3 *mora*) dan salji (2 *mora*). Tetapi pelajar China sukar untuk membezakan kedua-duanya ketika menyebut akibat kecenderungan mereka untuk tidak mengikut *mora* atau tempo yang sepatutnya dalam bahasa Jepun (Normalis & Lee, 2018). Perbezaan cara sebutan antara bahasa Jepun dan bahasa China ini menjadikan pelajar China sukar untuk menyebut walaupun hanya satu perkataan Jepun yang telah dilengkapi dengan tulisan *rumi*.

Masalah Dalam Bahasa Jerman

Sebutan dalam bahasa Jerman adalah mudah bagi pelajar arus perdana kerana cara bacaan bahasa Jerman mirip dengan sebutan suku kata bahasa Melayu. Umpamanya, perkataan *name* dalam bahasa Jerman yang membawa maksud nama dalam bahasa Melayu haruslah disebut mengikut suku kata Na:mə seperti bacaan bahasa Melayu. Satu lagi contoh ialah perkataan *Adresse* yang bermaksud alamat. Cara bacaan bagi perkataan ini ialah a: dræsə. Masalah pelajar China ialah mereka tidak biasa dengan tulisan rumi dan ini menyebabkan mereka sukar untuk membaca dan ini merencatkan kemahiran bertutur mereka. Perbincangan akan mengupas masalah dari sudut vokal dan konsonan.

Dari sudut vokal perbincangan akan tertumpu kepada vokal *umlaut* dan difthong. Vokal Umlaut adalah vokal seperti ä, ö, dan ü tidak ada padanannya dalam bahasa Cina. Selain itu sifat vokal bahasa Jerman yang menjadi masalah adalah vokal panjang dan pendek kerana bahasa Cina tidak membezakan panjang dan pendek vokal seperti dalam bahasa Jerman: *Jahre*, *geben*, *stehen* (Rauch, 2008). Difthong adalah kombinasi vokal seperti "ei," "au," "eu" dalam bahasa Jerman tidak wujud dalam bahasa Cina.

Dari sudut konsonan pula, terdapat tiga jenis konsonan yang didapati menimbulkan kekeliruan berdasarkan pemerhatian awal iaitu 'r' Uvular, konsonan kombinasi dan sebutan 'w' dan 'v'. Konsonan 'r' Uvular adalah ujaran 'r' uvular dalam bahasa Jerman (seperti dalam *rot*) sangat sukar disebut oleh pelajar China, yang mungkin lebih terbiasa dengan 'r' yang lebih ringan atau retrofleksi. Banyak juga terdapat kombinasi konsonan yang tidak biasa seperti "pf" dalam *Pflicht* atau "ts" dalam *Zug* mungkin menyukarkan sebutan dengan lancar. 'w' dan 'v': Dalam bahasa Jerman, 'w' diucapkan seperti 'v' dalam bahasa Inggeris, dan 'v' diucapkan seperti 'f'.

Selain itu, perbezaan struktur dan pola intonasi turut mengelirukan pelajar dari China.. Struktur dan pola intonasi dalam bahasa Jerman berbeza dengan bahasa Cina. Bahasa Jerman tidak bersifat tonal seperti bahasa Cina, tetapi bergantung pada penekanan kata dan intonasi untuk menyampaikan makna. Seperti contoh (1) *Doch, ich habe einen Freund* (2) *Ich habe doch einen Freund*. Dalam contoh (1), perkataan *doch* perlu ditekankan kerana ia membawa maksud ‘ya’ yang meyakinkan. Namun dalam contoh (2) *doch* merupakan sekadar penguat kata dan tidak membawa maksud yang signifikan, maka ia tidak perlu ditekankan.

Masalah Dalam Bahasa Perancis

Bahasa Perancis merupakan bahasa yang menggunakan abjad Latin atau rumi, mempunyai bunyi sengau dan huruf senyap serta konsep *liaison* dan *enchainement*. Bahasa Perancis mempunyai sistem vokal dan konsonan yang kompleks yang mungkin tidak dikenali oleh penutur bahasa Cina. Sebagai contoh, bahasa Perancis mempunyai bunyi sengau dan huruf senyap yang tidak terdapat dalam bahasa Cina. Bahasa Perancis mempunyai 4 bunyi vokal sengau yang berbeza: /ɛ̃ ẽ/, /oẽ oẽ/, /ɔ̃ ɔ̃/ dan /ã/. Ini tidak wujud dalam bahasa Cina Mandarin. Dalam bahasa Perancis, nasalisasi adalah ciri tersendiri yang boleh mengubah makna perkataan seperti dalam *bon* dan *beau*. Pelajar bahasa Cina cenderung untuk menyebut vokal nasal Perancis sebagai urutan vokal diikuti oleh konsonan nasal (VN), seperti merealisasikan [ã] sebagai aŋ], [ẽ] sebagai eŋ], ẽ ẽ [ã] sebagai aŋ], Dalam bahasa Perancis terdapat dua jenis penyambungan kata yang disebut sebagai *liaison* dan *enchainement*. *Liaison* ini unik kepada bahasa Perancis dan menjadi petunjuk kepada kefasihan penggunaan dalam bahasa berkenaan (Hieke, 1984). Apabila seseorang pengguna tidak menyambungkan di antara dua perkataan ini seperti *les* (kata sandang pasti) dan *enfants* (kanak-kanak) dikira tidak mematuhi pola intonasi dan jeda.

Ini boleh menjadi punca kekeliruan dalam kalangan penutur bahasa Perancis yang lain. Dalam keadaan ini, pelajar sering menyebut sebagai [l e ã f ã] sedangkan sebutan yang betul adalah [l e z ã f ã]. Kemunculan fonem /z/ dipanggil sebagai *consonne de liaison*. Contoh-contoh lain adalah seperti berikut: *Vous êtes* [vuzet], *Il est* [ile], *neuf ans*, [noevã] *dix amis* [dizami]

KESIMPULAN

Kesukaran ini dikenalpasti berpunca daripada dua sebab, pertama perbezaan ciri fonetik bahasa Cina yang mempunyai nada dengan bahasa Jepun, Perancis dan Jerman yang tidak mempunyai nada. Punca kedua adalah pendedahan pendidikan bahasa di sekolah. Bahasa Inggeris, walaupun diajar di sekolah, tetapi pendedahan pelajar terhadap bahasa Inggeris sangat terhad. Oleh itu, walaupun bahasa Cina mempunyai nada, tetapi pelajar rakyat Malaysia yang berbangsa Cina didapati tidak mempunyai masalah ketara dalam menyebut huruf rumi yang betul. Masalah kedua pula ialah pengajar tidak menguasai bahasa Mandarin oleh itu penerangan terpaksa dibuat dalam bahasa ketiga iaitu bahasa Inggeris. Masalah semakin rumit apabila kebanyakan pelajar Cina tidak menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Oleh itu, untuk pelajar China mendapatkan manfaat sepenuhnya dalam pembelajaran mereka di UKM, mereka perlu mempunyai tahap penguasaan bahasa Inggeris yang baik dan sebagai pengukuran mereka perlu mempunyai kelulusan IELTS *band 6* dan ke atas. Kemahiran bahasa

Inggeris yang baik membantu bukan sahaja dari sudut mendapatkan ilmu berkaitan pengkhususan tetapi juga kursus-kursus Citra yang ditawarkan di UKM.

PENGHARGAAN

Sebahagian daripada pembentangan ini dibiaya oleh The Sumitomo Foundation (SK-2023-026)

RUJUKAN

Hieke, A. E. (1984). Linking as a marker of fluent speech. *Language and Speech*, 27, 243-354.

Normalis Amzah, & Lee S.P. K (2018). Pemahaman Terhadap Choo-On dalam Kalangan Pelajar Cina yang mengambil bahasa Jepun di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*, 8, 59-69.

Rauch, I. (2008). *The Phonology/paraphonology Interface and the Sounds of German Across Time* (Vol. 67). Peter Lang.

Penelitian Terhadap Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab Peringkat Asas Oleh Pelajar Bukan Muslim

**[1] *Mohd Shahrizal Nasir, [2] Mohd Fauzi Abdul Hamid,
[3] Mohd Firdaus Yahaya**

[1][2][3] Universiti Sultan Zainal Abidin

*mohdshahrizal@unisza.edu.my, mohdfauzi@unisza.edu.my, mohdfirdaus@unisza.edu.my

ABSTRAK

Mutakhir ini, pembelajaran bahasa Arab turut melibatkan golongan bukan Muslim di pelbagai peringkat pengajian termasuk di institusi pengajian tinggi. Keadaan tersendiri pelajar bukan Muslim yang mengikuti pembelajaran bahasa Arab mengundang keperluan untuk dikemukakan kaedah pengajaran dan pembelajaran khusus yang dapat membantu mereka menguasai bahasa Arab dengan baik. Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan beberapa senario berkaitan pembelajaran bahasa Arab oleh pelajar bukan Muslim di peringkat universiti. Selain itu, kertas kerja ini memberi fokus terhadap analisis keperluan pembelajaran bahasa Arab khusus melibatkan pelajar bukan Muslim. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dan melibatkan seramai lima orang responden yang terdiri daripada pelajar bukan Muslim yang mengambil kursus Bahasa Arab Kebangsaan (PBI10302) di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Satu set protokol temu bual digunakan sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan data. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah tematik secara manual. Transkrip temu bual dianalisis mengikut tema dan kategori bagi memperoleh dapatan analisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua responden memberikan respons yang positif terhadap pembelajaran bahasa Arab. Semua respons ini memberi petunjuk bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian khusus melibatkan pembelajaran bahasa Arab bagi pelajar bukan Muslim melibatkan silibus pembelajaran, teknik pengajaran dan aktiviti pengukuhan pembelajaran sendiri.

Keywords: *Pembelajaran; Bahasa Arab; Pelajar bukan Muslim*

PENGENALAN

Keperluan untuk mempelajari bahasa Arab tidak hanya tertumpu untuk tujuan akademik semata-mata, sebaliknya ia turut merupakan keperluan bagi setiap orang Islam (Mohd Shahrizal et al., 2015). Oleh itu, setiap Muslim perlu berusaha untuk mempelajari bahasa Arab terutama untuk tujuan ibadah. Melihat kepada keadaan masa kini, terdapat pelbagai inisiatif dilakukan oleh pihak tertentu secara

individu mahupun badan tertentu yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab di Malaysia terutama menerusi medium maya. Usaha tersebut dilaksanakan oleh pihak-pihak yang turut berpandangan bahawa bahasa Arab bukan sahaja satu kepentingan kepada komuniti Muslim, tetapi lebih luas lagi melibatkan golongan bukan Muslim.

Setiap rakyat Malaysia berlatar belakang pelbagai budaya serta agama berpeluang untuk mempelajari bahasa Arab. Sebagai contoh paling ketara sepertimana dilaporkan oleh Ainal Marhaton (2016) tentang seorang pelajar India yang sangat bersemangat serta menunjukkan minat terhadap bahasa Arab menerusi penyertaannya bersama pelajar Muslim lain dalam pertandingan *Kalam Jama'i* di peringkat sekolah rendah. Perkara tersebut merupakan satu bukti jelas bahawa pendidikan bahasa Arab di Malaysia sedang meningkat ke arah lebih baik dengan penglibatan pelbagai kelompok masyarakat merentasi batasan agama.

METODOLOGI

Perbincangan dalam kertas kerja ini memberi fokus kepada pembelajaran bahasa Arab oleh pelajar bukan Muslim. Metodologi yang diaplikasi dalam kajian ini melibatkan kajian lapangan. Kajian ini berbentuk kualitatif dan melibatkan seramai lima orang responden yang terdiri daripada pelajar bukan Muslim yang mengambil kursus Bahasa Arab Kebangsaan (PBI10302) di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Satu set protokol temu bual digunakan sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan data. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah tematik secara manual. Transkrip temu bual dianalisis mengikut tema dan kategori bagi memperoleh dapatan analisis.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kursus Bahasa Arab Kebangsaan (PBI10302) di UniSZA yang ditawarkan kepada pelajar bukan Muslim wajar diteliti dengan mengambil kira maklum balas pelajar. Hal ini penting bagi melihat sejauh mana kursus tersebut dapat diterima oleh pelajar bukan Muslim serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengan proses PdP. Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan beberapa perkara melibatkan PdP kursus Bahasa Arab Kebangsaan (PBI10302) bagi pelajar bukan Muslim. Tiga perkara diberi penekanan untuk perbincangan dalam bahagian ini iaitu; (i) silibus pembelajaran, (ii) teknik pengajaran, dan (iii) aktiviti pengukuhan pembelajaran sendiri.

Silibus Pembelajaran

Buku PdP bahasa Arab untuk pelajar bukan Muslim perlu dihasilkan dengan meraikan keperluan mereka termasuk melibatkan penggunaan pelbagai pendekatan istimewa yang dapat melancarkan proses pembelajaran. Buku atau bahan pembelajaran bahasa Arab sedia ada sememangnya semakin hari semakin bertambah, namun persoalannya adalah berkaitan kesesuaiannya dengan kelompok pelajar. Perkara ini pernah dibangkitkan oleh Suhaila Zailani dan Nur Afifah (2014) yang menyatakan bahawa modul PdP bahasa Arab yang terdapat dalam pasaran masih belum dapat memenuhi keperluan orang ramai daripada pelbagai latar belakang dan sasaran pembelajaran untuk

mempelajarinya. Pelajar bukan Muslim yang mempelajari kursus bahasa Arab perlu dibekalkan dengan bahan pembelajaran yang berbeza daripada pelajar Muslim agar mereka dapat menjalani proses PdP dengan lebih baik.

Selain itu, majoriti responden turut mengakui bahawa penggunaan Transliterasi Arab-Rumi dapat membantu mereka meningkatkan keupayaan menulis kosa kata dan ayat lengkap dalam bahasa Arab dengan lebih baik. Ini disebabkan keperluan seseorang pelajar untuk menguasai sebutan sesuatu perkataan serta maknanya akan memudahkan proses menulis kosa kata tersebut.

“Tulisan transliterasi dapat digunakan untuk mengaitkan dengan sebutan tulisan Arab maka beberapa jenis huruf dapat dikenali dengan mudah, tulis pun mudah.” (R5)

“Saya guna cara saya sendiri untuk mengkaitkan Transliterasi (Tulisan Rumi) dengan perkataan dalam ejaan Bahasa Arab supaya saya mudah menulis perkataan tersebut.” (R1)

Kesan yang lebih penting ialah kebanyakan responden menyebut bahawa pemanfaatan Transliterasi Arab-Rumi dalam mempelajari bahasa Arab memberi motivasi positif dalam diri mereka. Dapatan ini sejajar dengan kenyataan Azman dan Ahmad Nazuki (2010) serta Mohd Shahrizal et al. (2017) yang menyatakan bahawa penggunaan Transliterasi mesti dilihat secara positif kerana ia berkesan untuk tujuan meningkatkan kemahiran bertutur dan kemahiran menulis dalam diri pelajar.

Teknik Pengajaran

Terdapat variasi respons pelajar bukan Muslim tentang metode atau kaedah pengajaran yang diamalkan oleh pengajar dalam kelas PdP bahasa Arab. Kesemua metode yang digunakan pastinya bertujuan menarik minat pelajar dan membentuk pengalaman menarik dalam proses PdP bahasa Arab. Antara maklum balas daripada responden kajian ialah sepertimana berikut:

“Pengalaman menarik saya adalah sepanjang dari kuliah 1 hingga kuliah 14 saya mempelajari Bahasa Arab tanpa stress. Ustaz tidak pernah marah kami walaupun kami ada salah silap malah beliau dengan sabarnya mengajar kami sampai faham....” (R2)

“Semua pelajaran menjadi sangat menarik sepanjang kelas arab ini. Saya telah mendapat banyak ilmu pengetahuan dan pengalaman baik sepanjang kelas ini...” (R4)

Teknik pengajaran berkesan akan berlaku apabila pengajar berupaya memupuk minat dalam diri pelajar untuk melibatkan diri mereka sepanjang proses PdP. Burnett dan Meacham (2002) mencadangkan supaya perhatian khusus diberikan dalam menilai kualiti pengajar berdasarkan pandangan pelajar. Sebenarnya peranan pelajar merupakan antara elemen penting untuk membina kualiti pengajar cemerlang. Pihak pengajar tidak boleh sama sekali mengetepikan sudut pandang pelajar kerana tanpa respons mereka, sudah pasti proses pengajaran akan berorientasi satu hala sahaja tanpa wujud maklum balas yang signifikan daripada pihak pelajar. Berikut dinyatakan beberapa respons daripada responden tentang metode pengajaran dalam kelas bahasa Arab:

“Ustaz memanggil pelajar untuk mengulang perkataan bahasa arab dengan sebutan yang betul....” (R4)

“Saya rasa challenging pada masa ustaz tanya soalan ataupun suruh kami eja perkataan Arab... Dan sesetengah masa ustaz buat joke....” (R3)

Berdasarkan maklum balas ini, pelbagai kaedah PdP bahasa Arab perlu diketengahkan dengan meraikan keadaan pelajar dan persekitaran pembelajaran. Ini semestinya menuntut usaha pengajar yang perlu memiliki ciri-ciri kreatif dalam penyampaian ilmu bahasa Arab.

Aktiviti Pengukuhan Pembelajaran Kendiri

Pembelajaran sendiri juga merupakan indikator yang membuktikan sejauh mana sikap pelajar terhadap kursus yang dipelajari. Ashinida (2013) menyatakan sikap pelajar sangat penting dalam menentukan tahap penguasaan bagi pembelajaran bahasa kedua ataupun bahasa asing. Sikap pelajar yang proaktif akan membantu mereka untuk memperoleh pencapaian baik dalam pelajaran, dan begitu juga sebaliknya. Berdasarkan dapatan soal selidik, majoriti responden menyatakan bahawa pengamalan kaedah pengulangan (*takrar*) untuk tujuan mengingat kalimah bahasa Arab sama ada secara lisan atau dalam bentuk latihan penulisan dijadikan perkara yang diberi penekanan penting dalam pembelajaran sendiri mereka.

“Selepas habis kelas, saya akan salin nota dan membaca semula dan pastikan saya dapat memahami tulisan arab tanpa tengok terjemahan....” (R1)

“Saya telah mengulang kaji semua nota yang diberi oleh ustaz dan membuat latihan dengan menulis perkataan arab yang saya telah pelajari selepas kelas.” (R4)

“Saya buat nota yang diberikan oleh ustaz setiap minggu dan banyakkkan menulis perkataan bahasa arab.” (R3)

“Kami menulis nota mengikut slide yang diajari ustaz pada minggu tersebut. Kemudian, kami akan tulis nota tanpa lihat pada nota supaya dapat mengenali ejaan Bahasa Arab dengan lebih baik.” (R2)

Selain daripada itu, terdapat responden mempraktikkan penggunaan komunikasi bahasa Arab dalam kehidupan mereka. Setiap ungkapan dalam bahasa Arab yang dipelajari dalam kelas akan digunakan dalam komunikasi mengikut kesesuaian tempat dan suasana. Kaedah ini adalah satu bentuk latihan yang praktikal serta memerlukan bantuan timbal balas daripada orang lain terutama rakan sekelas. Kaedah ini dapat membantu pelajar untuk menguasai komunikasi bahasa Arab yang dipelajari semasa dalam kelas dengan lebih cepat.

KESIMPULAN

Bahasa Arab dilihat mempunyai ruang yang lebih baik untuk berkembang maju jika proses PdP dapat dilakukan penambahbaikan yang menepati keperluan pelajar serta meraikan kemampuan mereka. Dapatan kajian ini yang memberi gambaran mengenai persepsi positif oleh pelajar bukan Muslim tentang PdP bahasa Arab yang perlu digunakan sebaiknya oleh para pendidik dalam usaha

pemeriksaan bahasa global ini. Di samping itu, pihak yang terlibat dengan PdP bahasa Arab perlu mencari pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif bagi memastikan proses PdP bahasa Arab untuk pelajar bukan Muslim dapat mencapai objektif pembelajaran yang diharapkan. Berdasarkan kepada tiga perkara yang dibincangkan dalam kertas kerja ini iaitu silibus pembelajaran, teknik pengajaran, dan aktiviti pengukuhan pembelajaran sendiri, satu modul pembelajaran bahasa Arab yang khusus untuk pelajar bukan Muslim perlu diwujudkan bagi meraikan keperluan kelompok ini dalam usaha mempelajari bahasa Arab.

PENGHARGAAN

Pihak penyelidik merakamkan ucapan penghargaan kepada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang telah membiayai kajian ini menerusi Geran Dana Penyelidikan Universiti (DPU) dengan kod rujukan projek (UniSZA/2022/DPU1.0/02).

RUJUKAN

- Ainal Marhaton Abd Ghani. (2016). *Budak India Cakap Arab*. Diakses pada 2 Mac, 2022, daripada <http://www.hmetro.com.my/node/159364>.
- Ashinida Aladdin. (2013). An Investigation into the Attitudes of the Non-Muslim Malaysian Learners of Arabic (NMMLA) toward Learning of Arabic as a Foreign Language. *Pertanika Journal (Social Sciences and Humanities)*, 21 (Special Issue), 183-196.
- Azman Che Mat & Goh Ying Soon. (2010). Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2(2), 9-20.
- Burnett, P.C. & Meacham, D. (2002). Measuring the Quality of Teaching in Elementary School Classrooms. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education*, 30(2), 141-153.
- Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir & Mohd Firdaus Yahaya. (2015). Tinjauan Persepsi Pembelajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan bagi Masyarakat Muslim Awam di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 30, 51-72.
- Mohd Shahrizal Nasir, Nurkhamimi Zainuddin & Muhammad Sabri Sahrir. (2017). Persepsi Bukan Muslim terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *ISLAMIYYAT: International Journal of Islamic Studies*, 39(1), 29-37.
- Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad & Nur Afifah Fadzil. (2014). Penggunaan Modul dan Buku Bahasa Arab untuk Orang Awam. *Jurnal al-Hikmah*, 6(2), 65-77.

**REKA BENTUK SILIBUS & PEMBANGUNAN
KURIKULUM**

***CURRICULUM DEVELOPMENT &
SYLLABUS/MATERIAL DESIGN***

Evaluation of CEFR-Aligned English Language Curriculum Using CIPP Model Framework: Students' Perceptions

[1] *Muhammad Fazli Abdullah, [2] Farah Aida Fadzil,
[3] Zahid Ibrahim

[1] [2] [3] Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia

*afazli@ukm.edu.my, farahfadzil@ukm.edu.my, zahid.ibrahim@ukm.edu.my

ABSTRACT

In response to the demand for standardised language learning and assessment, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) has implemented a CEFR-aligned English Language Curriculum to enhance students' language proficiency and competitiveness in the industry. The study aims to explore students' perceptions of the CEFR-aligned English Language Curriculum offered at UKM by looking at various aspects of the curriculum implementation. This study adopts a quantitative and descriptive survey research design employing an 18-item survey questionnaire developed using Stufflebeam's CIPP (Context, Input, Process, Product) model of curriculum evaluation. The survey utilised a 7-point Likert scale with 1= Strongly disagree ... 7= Strongly agree. Content validation for the survey items was conducted through experts' consultation and reliability of items was established by conducting a pilot test with 0.785 Cronbach's alpha value. A total of 237 undergraduate students undertaking compulsory English courses at the university participated in the study through simple random sampling procedure where students with different language proficiency levels from Track 1 (CEFR A2) and Track 2 (CEFR B1) were randomly selected. The findings indicated moderate mean scores on the Context and Input aspects and relatively low mean scores on the Process and Product aspects of the curriculum implementation. These findings offer valuable insights for a curriculum review, enhancing the effectiveness of CEFR-aligned curriculum and student learning outcomes.

Keywords: *CEFR; Curriculum Evaluation; CIPP Model*

INTRODUCTION

The CEFR provides a standardized framework for English language teaching across various language proficiency levels, aiding in the development of curricula and assessment practices that are coherent and comparable (Sabbir, 2019). However, to address the gap in the literature regarding the evaluation of CEFR-aligned curricula using the CIPP model and justify the need for evaluating the curriculum from students' perspectives, it is essential to consider the significance of incorporating student feedback in curriculum evaluation processes. Existing literature has extensively utilized the CIPP

model to evaluate various educational programs and curricula (Sagin et al., 2023; Jusar et al., 2023). Additionally, to enhance the evaluation process of CEFR-aligned curricula, it is imperative to incorporate students' perspectives as educators can gain valuable insights into the relevance, engagement, and adequacy of the curriculum from the learners' point of view.

METHODOLOGY

The methodology employed in the study includes a quantitative research design, utilizing an 18-item questionnaire based on Stufflebeam's CIPP (Context, Input, Process, Product) framework for curriculum evaluation. The survey was designed with a 7-point Likert scale ranging from 1 (Strongly disagree) to 7 (Strongly agree). To ensure content validity of the survey items, consultations with experts were conducted, and the reliability of the items was confirmed through a pilot test, which yielded a Cronbach's alpha value of 0.785. The study involved 237 undergraduate students of varying levels of language proficiency; ranging from A2 to B1 CEFR level. The students have completed the CEFR-aligned English language curriculum offered at the university. They were selected through a simple random sampling method. The survey was virtually distributed to the participants through the use of GoogleForm at the end of the semester. Subsequent cleaning and analysis of the data were carried out using Microsoft Excel and descriptive statistical methods on IBM SPSS Statistics softwares.

RESULTS AND DISCUSSION

Analysis of the data collected was carried out and the results showed varying levels of perceived curriculum effectiveness.

Table 1. Context effectiveness of the CEFR-aligned English language curriculum

Item	Mean	Standard Deviation
LMCE English courses offered are relevant for my English language learning at UKM	6.25	0.889
I find LMCE English courses offered to be easy for my level of English	4.45	1.833
I enjoyed learning LMCE English courses because they are interesting and fun	6.17	0.978
For me, it is important to improve my level of English and obtain MUET 4.0	5.63	1.506
Completing only 3 LMCE English courses is enough for me to improve and obtain MUET 4.0	4.16	1.622

Aspects such as course relevance, difficulty, enjoyability, and adequacy as well as students' perceptions towards the importance of obtaining a higher MUET level were examined. It was discovered that students had generally positive perceptions towards the course relevance (6.25), and course enjoyability (6.17). However, many of them perceived that improving their level of English and obtaining MUET 4.0 to be relatively less significant (5.63) and that completing the courses offered could not really help them achieve that (4.16). Additionally, a mean score of 4.45 was obtained regarding course difficulty which implied that some of the students think that the courses offered to be rather difficult for their current level of English.

Table 2. Input effectiveness of the CEFR-aligned English language curriculum

Item	Mean	Standard Deviation
The course materials provided were enough for my English language learning.	5.64	1.243
I find the course materials to be easy for my level of English	4.86	1.630
I enjoyed using the course materials because they were interactive and interesting.	5.49	1.466
I believe the course materials can help me improve my level of English and obtain MUET 4.0	5.78	1.027
The course instructors' effective teaching methods made learning English enjoyable.	6.14	0.929

Input aspects of the curriculum implemented such as course materials adequacy, difficulty, and effectiveness, course instructors' effectiveness as well as students' perceptions towards the role of the course materials in helping them achieve a higher MUET level were examined. The mean scores indicated positive perception towards the course instructors' effectiveness (6.14) and moderate perceptions towards the course materials adequacy (5.64) and course materials effectiveness (5.49). Regarding the students' perceptions towards the difficulty of course materials, a relatively low mean score (4.86) is congruent with the earlier finding. However, many of them believed that the course materials could somewhat help them obtain MUET 4.0 (5.78).

Table 3. Process effectiveness of the CEFR-aligned English language curriculum

Item	Mean	Standard Deviation
The course materials provided were enough for my English language learning.	5.64	1.243
I find the course materials to be easy for my level of English	4.86	1.630
I enjoyed using the course materials because they were interactive and interesting.	5.49	1.466
I believe the course materials can help me improve my level of English and obtain MUET 4.0	5.78	1.027
The course instructors' effective teaching methods made learning English enjoyable.	6.14	0.929

There were varying levels of students' perceptions regarding the Process aspects of the curriculum implemented with a high mean score of 6.04 regarding the balance of language skills integrated into the curriculum, and a medium mean score of 4.69 on the number of course assignments given. However, the lowest mean score was obtained regarding the adequacy of classroom activities (2.78) suggesting that more activities should be conducted for students to improve and achieve MUET 4.0.

Table 4. Product effectiveness of the CEFR-aligned English language curriculum

Item	Mean	Standard Deviation
I can give clear presentations in English with supporting details and examples on various topics	5.59	1.003
I find it easy to spontaneously and fluently interact with other people	3.75	1.588
I have a good range of vocabulary and I can express my point of views accurately and easily	4.96	1.164
When speaking, I do not make grammatical mistakes that lead to misunderstanding	3.02	1.425
If I re-take MUET now, I believe I can achieve MUET Band 4.0	5.00	1.255

Table 4 presents the product effectiveness of the curriculum across several criteria. Students' presentation skills aspect shows a high mean score of 5.59 whereas students' language fluency demonstrates a lower mean score of 3.75. The students' vocabulary range results in a mean score of 4.96, however, their grammatical accuracy shows a very low mean score of 3.02. Overall, in terms of the students' belief in achieving a MUET Band 4.0 upon re-taking the exam, the mean score is 5.00, indicating relatively high confidence levels among respondents.

Table 5. Making data driven informed curricular decisions

Decision-making	Curricular Components
Effective curriculum	Course relevance (6.25), Course enjoyment (6.17), Course instructors' effectiveness (6.14), Course assignments' balance of language skills (6.04)
Slight curriculum review	Course materials effectiveness (5.78), Course materials adequacy (5.64), Students' perceptions on higher CEFR level attainment (5.63), Students' presentation skills (5.59), Course materials enjoyment (5.49), Students' higher CEFR level attainment (5.00)
Some curriculum review	Students' vocabulary (4.96), Course materials difficulty (4.86), Course assignments adequacy (4.69), Course difficulty (4.45), Course adequacy (4.16)
In-depth curriculum review	Students' language fluency (3.75), Students' grammatical accuracy (3.02), Classroom activities adequacy (2.78)

Table 5 summarizes various components of the CEFR-aligned English language curriculum and their corresponding suggested curricular decision-making.

CONCLUSION

In conclusion, it is important to study the students' perceived effectiveness of the CEFR-aligned courses and identify which part of the curriculum to amend to suit the needs of the learners. Future studies could incorporate qualitative methods, such as interviews and focus groups, to gain insights into students' and instructors' experiences and perceptions of the curriculum. Long-term studies can also be conducted to evaluate the impact of CEFR-aligned curriculum on students' language proficiency and career success.

REFERENCES

Jumari, J. and Suwandi, S. (2020). Evaluation Of Child-Friendly Schools Program in Islamic School Using the Cipp Model. *Dinamika Ilmu*, 323-341. <https://doi.org/10.21093/di.v20i2.2580>

- Jusar, I. R., Ambiyar, A., & Aziz, I. (2023). Evaluation Program Approach in Education. *JURNAL PAJAR (Pendidikan Dan Pengajaran)*, 7(1), 83. <https://doi.org/10.33578/pjr.v7i1.9095>
- Sabbir, F. b. (2019). Perceived View of Teachers Towards Pentaksiran Tingkatan Tiga (Pt3) (Form Three Assessment) English Language: A Case Study. *Asian Journal of University Education*, 15(3), 34. <https://doi.org/10.24191/ajue.v15i3.7819>
- Sagin, A., Balmer, D., Rose, S., Musheno, R., Olenik, J., Dingfield, L., ... & Bennett, N. (2023). Evaluation of a Palliative Care Longitudinal Curriculum for Medical Students Using The Context-Input-Process-Product Model. *American Journal of Hospice and Palliative Medicine®*, 41(2), 158-166. <https://doi.org/10.1177/10499091231165504>

CEFR-Aligned English Language Curriculum Evaluation Using CIPP Model Framework: High Proficiency Students' Perceptions

[1] *Sabrina Che Haron, [2] Aisyah Nurhuda Abd. Rahman,
[3] Maryam Fakhrul Anuar

[1][2][3] Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia

*sabrinaharon@ukm.edu.my, aisyahnurhuda@ukm.edu.my, maryam@ukm.edu.my

ABSTRACT

To meet the need for standardised language education and evaluation, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) has introduced an English Language Curriculum aligned with the CEFR (Common European Framework of Reference for Languages). This initiative aims to improve students' language skills and their competitiveness in the professional field. The curriculum divided the courses into four tracks (Track 1: A2, Track 2: B1, Track 3: B2, Track 4: C1). This study aims to investigate the perceptions of high-proficient students regarding the CEFR-aligned English Language Curriculum provided at UKM. It will examine different aspects of the curriculum's implementation. Using Stufflebeam's CIPP (Context, Input, Process, Product) model of curriculum evaluation, the study adopts a quantitative and descriptive survey research design employing an 18-item survey questionnaire. The survey utilised a 7-point Likert scale with 1= Strongly disagree ... 7= Strongly agree. The survey items underwent content validation through expert consultations, and the reliability of the items was confirmed by conducting a pilot test, with a Cronbach's alpha value of 0.785. A total of 168 undergraduate students undertaking compulsory English courses at the university participated in the study through a stratified sampling procedure where students with high language proficiency levels from Track 3 were randomly selected. The findings indicated moderate mean scores on the Context and Input aspects and relatively low mean scores on the Process and Product aspects of the curriculum implementation. The results provide valuable insights for reviewing and improving the CEFR-aligned curriculum to enhance student learning outcomes.

Keywords: *CEFR; Curriculum Evaluation; CIPP Model*

INTRODUCTION

In the field of English as a Second Language (ESL) education, aligning with the Common European Framework of Reference (CEFR) is highly significant. The CEFR offers a standardised structure for language proficiency levels, facilitating the creation of coherent and comparable curricula and assessments (Sabbir, 2019). Aligning ESL teaching methods with the CEFR helps educators foster

autonomous language learners, thereby improving the quality of instruction and learning outcomes (Sabbir, 2019).

Given the challenges faced by ESL learners, such as lack of motivation and limited vocabulary, implementing CEFR-aligned practices is essential for overcoming these issues and creating an effective learning environment (Ying et al., 2021). Aligning ESL teaching strategies with CEFR principles allows educators to design dynamic and effective learning experiences tailored to the diverse needs of ESL students.

To address the literature gap on evaluating CEFR-aligned curricula using the CIPP model and to highlight the importance of student feedback in curriculum evaluation, it is crucial to consider students' perspectives. Although the CIPP model has been widely used to evaluate various educational programs and curricula (Sagin et al., 2023; Ho et al., 2010; Kim, 2022; Aziz et al., 2018; Jusar et al., 2023), incorporating students' feedback can significantly enhance the evaluation process. The CIPP model, known for its comprehensive approach covering Context, Input, Process, and Product evaluation components, provides a structured framework for assessing educational initiatives' effectiveness and quality (Kim, 2022; Aziz et al., 2018; Jusar et al., 2023; Silviariza et al., 2023; Wedayanthi, 2024; Jumari & Suwandi, 2020; Umam & Saripah, 2018; Ameryoun, 2023). Including students' perspectives offers valuable insights into the curriculum's relevance, engagement, and adequacy from the learners' viewpoint.

RESEARCH METHODOLOGY

This study employed a quantitative descriptive survey design using Stufflebeam's CIPP (Context, Input, Process, Product) model to evaluate the perceptions of high-proficient undergraduate students at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) regarding the implementation of the CEFR-aligned English Language Curriculum. A total of 168 students from Track 3 (B2 proficiency level) were selected through stratified random sampling. Data was collected using an 18-item survey questionnaire on a 7-point Likert scale (1 = Strongly Disagree, 7 = Strongly Agree), which underwent content validation by experts and a pilot test, yielding a Cronbach's alpha of 0.785. The survey measured student perceptions across the CIPP model's four dimensions, and descriptive statistics were used to analyse the data, providing insights into the strengths and weaknesses of the curriculum for future improvements.

RESULTS AND DISCUSSION

The data analysis revealed differing levels of perceived curriculum effectiveness. The table below presents the respondents' perceptions of the curriculum's effectiveness as gathered in the study.

Table 1. Overall perceived effectiveness of the CEFR-aligned English language curriculum

Curricular Component	Mean	Standard Deviation
Context	4.8515	0.71201
Input	5.0712	0.84259
Process	4.2597	0.67487
Product	4.3129	0.77811

The data of the curricular components was categorised into a spectrum of effectiveness based on the mean score in the table below:

Table 2. Making data driven informed curricular decisions

Curriculum Decision-making	Curricular Components
Effective curriculum (Mean: 6.00-7.00)	
Slight curriculum review (Mean: 5.00-5.99)	Course instructor's effectiveness (5.80) Course assignments' balance of language skills (5.77) Course relevance (5.77) Course material adequacy (5.56) Students' presentation skills (5.39) Course enjoyment (5.30) Course materials effectiveness (5.26)
Some curriculum reviews (Mean: 4.00-4.99)	Student's vocabulary (4.95) Students' perceptions on higher CEFR level attainment (4.83) Course materials difficulty (4.39) Course materials enjoyability (4.34) Course adequacy (4.27) Students' higher CEFR level attainment (4.25) Course difficulty (4.09)
In-depth curriculum review (Mean: 0.00-3.99)	Assignments burden (3.78) Student's language fluency (3.74) Students' grammatical accuracy(3.24) Classroom activities adequacy (3.23)

The data indicates a spectrum of effectiveness across various curricular components, with none achieving the highest effectiveness range. Components fall mainly into the categories needing slight to some curriculum review, highlighting areas for targeted improvements. The most critical areas

requiring in-depth review are assignment burden, language fluency, grammatical accuracy, and classroom activity adequacy. This analysis suggests a strategic focus on enhancing these key areas to improve overall curriculum effectiveness.

CONCLUSION

In conclusion, it is important to study the students' perceived effectiveness of the CEFR-aligned courses and identify which part of the curriculum to amend to suit the needs of the learners. Future studies could incorporate qualitative methods, such as interviews and focus groups, to gain insights into students' and instructors' experiences and perceptions of the curriculum. Long-term studies can also be conducted to evaluate the sustained impact of CERF-aligned curriculum on students' language proficiency and career success.

ACKNOWLEDGEMENTS

The authors would like to thank Pusat Pengajian Citra, UKM, for the encouragement in completing this study. Sincerest gratitude is extended to all the respondents who participated in this study.

REFERENCES

- Ameryoun, A., Jambarsang, S., Akhoundi, H., & Askari, R. (2023). Evaluating the educational program of bachelor of science in healthcare management using cipp model: a case study at yazd university of medical sciences. *Research and Development in Medical Education*, 12, 24. <https://doi.org/10.34172/rdme.2023.33151>
- Aziz, S., Mahmood, M., & Rehman, Z. (2018). Implementation of cipp model for quality evaluation at school level: a case study. *Journal of Education and Educational Development*, 5(1), 189. <https://doi.org/10.22555/joeed.v5i1.1553>
- Jusar, I. R., Ambiyar, A., & Aziz, I. (2023). Evaluation program approach in education. *JURNAL PAJAR (Pendidikan Dan Pengajaran)*, 7(1), 83. <https://doi.org/10.33578/pjr.v7i1.9095>
- Kim, S. (2022). Innovating workplace learning: training methodology analysis based on content, instructional design, programmed learning, and recommendation framework. *Frontiers in Psychology*, 13. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.870574>
- Sabbir, F. b. (2019). Perceived view of teachers towards pentaksiran tingkatan tiga (pt3) (form three assessment) english language: a case study. *Asian Journal of University Education*, 15(3), 34. <https://doi.org/10.24191/ajue.v15i3.7819>
- Sagin, A., Balmer, D., Rose, S., Musheno, R., Olenik, J., Dingfield, L., ... & Bennett, N. (2023). Evaluation of a palliative care longitudinal curriculum for medical students using the context-

- input-process-product model. *American Journal of Hospice and Palliative Medicine*®, 41(2), 158-166. <https://doi.org/10.1177/10499091231165504>
- Silviariza, W. Y., Sumarmi, S., Utaya, S., Bachri, S., & Handoyo, B. (2023). Development of evaluation instruments to measure the quality of spatial problem-based learning (spbl): cipp framework. *International Journal of Instruction*, 16(2), 413-436. <https://doi.org/10.29333/iji.2023.16223a>
- Wedyanthi, L. M. D., Pradnyana, P. B., & Adiwijaya, P. A. (2024). The implementation of cipp as evaluation model on teaching assistance in sd bali bilingual school as the practice of kurikulum merdeka. *EduHumaniora | Jurnal Pendidikan Dasar Kampus Cibiru*, 16(1), 37-44. <https://doi.org/10.17509/eh.v16i1.59591>
- Ying, Y. H., Siang, W. E. W., & Mohamad, M. (2021). The challenges of learning english skills and the integration of social media and video conferencing tools to help esl learners coping with the challenges during covid-19 pandemic: a literature review. *Creative Education*, 12(07), 1503-1516. <https://doi.org/10.4236/ce.2021.127115>

Keberkesanan Strategi Kognitif bagi Meningkatkan Motivasi dan Minat Pelajar Antarabangsa China Dalam Penggunaan Bahasa Melayu Melalui Teknik Drama

[1] *Nor Azilawati Binti Mat Isa, [2] Nor Fatin Adlina Mohd Salleh

[1][2] Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia

*aziela@ukm.edu.my, fatinadlina@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pengubahsuaian strategi dan teknik dalam sesi PdPc dapat dilakukan untuk menjadikan sesi pengajaran lebih menarik dan bermakna. Kajian ini ingin melihat keberkesanan penggunaan strategi kongnitif melalui teknik drama pendek bagi meningkatkan keupayaan dan penguasaan kosa kata, aspek pengetahuan makna dan penggunaannya. Kajian lepas menunjukkan bahawa sebilangan besar pelajar asing kurang berminat dan lambat menguasai kemahiran bahasa Melayu memandangkan mereka tiada sebarang pengetahuan mengenai kosa kata atau penguasaan kosa kata yang sangat terbatas. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menggabungalinkan empat kemahiran asas bahasa iaitu bertutur, membaca menulis dan mendengar. Kajian ini melibatkan 50 orang responden yang terdiri daripada sebahagian pelajar antarabangsa China yang mendaftar kursus LMCW2193 Bahasa Melayu Komunikasi 2 di UKM pada Semester 1 Sesi Akademik 2023-2024 di bawah seliaan pengkaji. Latihan bacaan berdialog menggunakan skrip yang mengandungi terjemahan tiga bahasa iaitu, bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa ibunda pelajar akan mendedahkan pelajar kepada kosa kata dan frasa yang baharu serta pemahaman dari sudut budaya. Pelajar dilatih untuk membaca malah bertutur dengan menggunakan intonasi dan sebutan yang betul. Manakala aktiviti gerak lakon akan meningkatkan tahap keyakinan diri mereka untuk tampil, bertolak ansur seterusnya mencorakkan pembinaan personaliti diri yang mantap. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa strategi kognitif melalui pengaplikasian teknik drama pendek mampu menyuntik keseronokan dalam kalangan pelajar berdasarkan usaha dan kesungguhan serta persiapan yang ditunjukkan.

Kata kunci: *Strategi kognitif; Drama pendek; Makna; Minat; Motivasi*

PENGENALAN

Pengurusan dan persediaan yang terancang dari segi strategi pembelajaran dalam kalangan pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing perlu sistematik agar tahap penguasaan berbahasa dapat dipertingkatkan. Pencapaian yang kurang memuaskan dalam kalangan pelajar antarabangsa khususnya pelajar dari China menggambarkan pelajar masih belum menguasai kemahiran-kemahiran asas dan kurang berminat dalam mempelajari bahasa Melayu. Dalam kajian

yang dilakukan oleh Muhammad Hussin, Noriah M. Ishak dan Ab. Razak Ahmad (2000) jelas menunjukkan bahawa pelajar yang lemah dalam pencapaian bahasa Melayu adalah kerana pelajar tidak mengamalkan strategi pembelajaran yang berkesan.

Strategi pembelajaran merupakan strategi belajar, amalan belajar dan kemahiran belajar dalam domain psikologi kognitif yang berkaitan dengan proses pemerolehan, penyimpanan, mengingat kembali dan penggunaan maklumat bagi membantu dalam proses pembelajaran. Drama dalam konteks pendidikan tidak mementingkan hasil atau persembahan tetapi proses dan peranan yang dimainkan oleh pelajar dalam aktiviti pembelajaran bahasa. Pengaplikasian teknik drama dilihat mampu untuk membangkitkan minat dan motivasi pelajar untuk mempelajari serta menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Dalam hal ini, pelajar China adalah tidak terkecuali. Melalui kajian yang telah dilakukan oleh pembelajaran bahasa Melayu biasanya lebih berpusatkan kepada guru. Mereka mendapati teknik drama dapat membantu pelajar membentuk pengetahuan berdasarkan perkara yang didedahkan oleh guru dari sudut perspektif yang baharu.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini melibatkan 50 orang responden yang terdiri daripada sebahagian pelajar antarabangsa China yang mendaftar kursus LMCW2193 Bahasa Melayu Komunikasi 2 di UKM pada Semester 1 Sesi Akademik 2024-2025 di bawah seliaan pengkaji. Pendekatan kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif analisis tematik. Teknik pengumpulan data adalah secara pemerhatian dan temu bual.

Prosedur Kajian

Pelajar telah didedahkan dengan empat kemahiran bahasa sejak awal semester iaitu kemahiran bertutur, membaca menulis dan mendengar. Terdapat tiga bentuk penilaian yang telah ditetapkan untuk kursus Bahasa Melayu Komunikasi 2 LMCW2193 iaitu yang ditetapkan untuk semua pelajar prasiswazah antarabangsa di Universiti Kebangsaan Malaysia dengan pecahan peratusan seperti berikut:

- a. Penulisan 30%
- b. Pembentangan individu 30%
- c. Pembentangan perbualan berdasarkan situasi 40%

Penilaian kursus ke-3 iaitu pembentangan perbualan berdasarkan situasi yang memperuntukkan markah sebanyak 40% daripada jumlah keseluruhan mengkehendaki pelajar untuk membuat simulasi perbualan atau melakonkan drama pendek berdasarkan situasi yang telah pelajar pilih daripada senarai situasi berdasarkan realiti sebenar yang telah disediakan oleh guru. Pelajar diberikan kebebasan untuk memilih tajuk situasi perbualan berdasarkan minat dan motivasi serta keupayaan yang pelajar miliki.

Selain itu, pelajar turut diberi kebebasan untuk memilih pasangan supaya proses penyediaan dialog dan rakaman drama dapat dijalankan dengan lebih lancar tanpa perlu berhadapan dengan masalah komunikasi antara pasangan lakonan. Berdasarkan situasi yang telah dipilih pelajar perlu

menyediakan dialog pada minggu ke-12 dan membuat pembentangan dengan memaparkan video rakaman drama pada minggu ke-14. Pada minggu ke-13 sebelum pelajar menjalankan rakaman drama, guru akan menyemak dialog dan melatih pelajar membaca dialog berdasarkan sebutan dan intonasi yang bersesuaian. Antara kriteria penilaian adalah penulisan dialog menjuruskan kepada pemilihan perkataan dan stuktur ayat. Selain itu, kefasihan sebutan, intonasi dan kelancaran serta kreativiti persembahan drama yang ditampilkan turut akan dinilai.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis tematik ke atas maklum balas yang telah diberikan oleh pelajar jelas menunjukkan bahawa:

a. Minat pelajar untuk mempelajari kursus Bahasa Melayu

Kebiasaannya pelajar China lebih memberikan perhatian dan tumpuan mereka kepada mata pelajaran wajib di fakulti. Selain itu, mereka juga pasif semasa berada di dalam bilik kuliah sama ada secara dalam talian mahupun bersemuka. Namun, pelajar menyatakan mereka lebih berminat untuk belajar dan menguasai bahasa Melayu berdasarkan maklum balas pelajar yang diperoleh selepas sesi pembentangan drama.

b. Keupayaan murid untuk berfikir secara aktif dan kreatif

Latihan strategi kognitif melalui penyediaan skrip dalam 3 bahasa iaitu, bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin membolehkan pelajar mengingat lebih banyak makna perkataan baharu yang dipelajari. Strategi kognitif mampu membuka minda pelajar untuk berfikir bagi menghasilkan idea yang pelbagai untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Para pelajar terarah untuk berbincang bagi menghasilkan pelbagai idea untuk membuat perkaitan sehingga melahirkan idea-idea yang baharu.

c. Motivasi diri pelajar untuk menghadiri kelas

Pengkaji mendapati bahawa kehadiran pelajar adalah penuh pada minggu pengaplikasian teknik drama bermula daripada peringkat pemilihan situasi dan penetapan pasangan lakonan. Begitu juga semasa sesi latihan bacaan dialog/skrip dilakukan. Terdapat banyak kumpulan yang tampil menawarkan diri untuk berlatih sambil dipantau oleh guru berbanding sebelumnya iaitu pelajar hanya akan membentangi apabila nama mereka disebut atau dipanggil. Malah tersebut pelajar yang membuka kamera semasa sesi latihan berbanding menutup kamera dalam pertemuan kelas sebelumnya. Sesi latihan tersebut dirakam agar para pelajar dapat menontonnya secara berulang kali bagi membina keyakinan diri sebelum sesi rakaman sebenar dilakukan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya penggunaan strategi kognitif melalui teknik drama mampu meningkatkan pencapaian penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar antarabangsa. Pelajar-pelajar yang awalnya

kurang berkeyakinan, mengalami perubahan paradigma, menunjukkan minat dan bermotivati untuk mempelajari dan menguasai bahasa Melayu melalui pengaplikasian teknik drama. Ini dapat dilihat melalui usaha mereka untuk menghafal skrip, memahami makna perkataan secara kontekstual dan menggunakan pengetahuan berkaitan kosa kata dalam pelbagai situasi yang berbeza.

RUJUKAN

- Awang Sariyan (2011). *Pendidikan Bahasa Melayu dalam Pembentukan Jati Diri Bangsa: Pengajaran Bahasa Untuk Penghayatan Bahasa Kepada Pelajar Asing*. Persatuan Pendidikan Bahasa Melayu Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur pada 14-16 Mac 2011.
- Awang Sariyan (2014). *Strategi Pengajaran Bahasa Kepada Pelajar Asing: Faktor Pengajar*. Dimuat turun dari <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=2489>. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharudin, Mazlina (2014). Pemerolehan dan Penguasaan Berbahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing di Universiti Sains Malaysia dalam *Procedia: Social and Behavioral Sciences*, 134 15 Mei 2014, ms 20-275.
- Juwairiah Osman et al (2018). *Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang*. *Journal of Malay Language, Education and Literature* ms 61-79.
- Kao Shin Mei & O Neil Cecily (1998). *Learning a Second Language Through Process Drama*. 2-23. United States of America: Ablex.
- Khuzaiton Zakaria and Thana Abdullah (2014). *Mengajar Bahasa Melayu kepada Penutur Asing dan Cabarannya: pengalaman di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia*. *Profesional Development in Education (PDE 2014) Teaching and Learning in the 21st Century: Aspirations and Challenges*. 11-12 June 2014.
- Muhammad Husin, Noriah M Ishak dan Ab Razak Ahmad (2000). *Strategi Pembelajaran Pelajar Melayu*. Seminar Prosiding Pendidikan Kebangsaan pada 14-15 November 2000 di Hotel Equatorial Bangi.
- Mohammad Nasir. Z. Z Hamzah, Z A. Z (2014). *Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu*. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 134. 408-415 <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.263>
- Stinson Madonna (2005). *Drama and Oral Communication*. *National Institute of Education: Singapore*. Singteach from <http://www.singteach.nie.edu.sg/content/view/52/137>.

Zamri Mahamod dan Mohd Amin Embi (2000). *Pengenalpastian Gaya dan Pembelajaran Sebagai Satu Cara Mengatasi Kepelbagaian Pelajar di Dalam Kelas*. Seminar Prosiding Pendidikan Kebangsaan pada 14-15 November 2000 di hotel Equatorial Bangi.

Elemen Budaya Dalam Topik Pengajaran Kursus LMCM1093 Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara

[1] *Daing Zairi Ma'arof, [2] Noorhazila Mohd Hamid, [3] Azlan Ahmad

[1][2][3] Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia

*dzm@ukm.edu.my, hazilahamid@ukm.edu.my, az_ahmad@ukm.edu.my

ABSTRAK

Dalam pembelajaran bahasa, kefahaman bukan sahaja berdasarkan kepada aspek tatabahasa semata-mata tetapi juga melibatkan aspek bahasa yang lain termasuklah budaya. Pengenalan budaya sesuatu bangsa atau negara dalam pengajaran dan pembelajaran sebenarnya berperanan penting dalam memberikan pendedahan kepada pelajar tentang corak pembentukan budaya melalui sesuatu bahasa. Walaupun bahasa Melayu berasal daripada rumpun yang sama bagi beberapa negara, namun pengamalannya adalah berbeza bagi setiap negara khususnya komuniti masyarakat yang mengamalkannya. Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen budaya yang terdapat dalam topik pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Melayu Untuk Pelajar Nusantara yang dinamakan sebagai kursus LMCM1093. Kursus ini dijadikan kajian kerana pelajar yang mengikuti kursus ini merupakan pelajar yang berasal dari kepulauan Nusantara seperti Indonesia, Brunei, Singapura dan Selatan Thailand yang merupakan penutur natif bahasa Melayu. Kajian ini dianalisis berdasarkan instrumen iaitu melihat kepada silibus pengajaran dan pembelajaran kursus. Silibus ini pula berdasarkan topik pengajaran mingguan kursus yang telah disediakan oleh ketua kursus. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa aspek dan elemen budaya yang diserapkan secara langsung dan tidak langsung sebagai komponen kursus dan seterusnya didedahkan kepada pelajar seperti bentuk sapaan dalam masyarakat Malaysia, unsur tabu bahasa, aspek kebudayaan yang terdapat dan diamalkan di Malaysia. Kajian ini menyarankan agar lebih banyak elemen budaya yang diterapkan supaya pelajar dapat mempelajari bahasa dengan lebih mendalam melalui bahasa sesuatu bangsa dan pengajar pula bertindak sebagai duta kecil yang mempromosikan negara secara tidak langsung.

Kata Kunci: *Budaya, Pengajaran dan Pembelajaran, Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara, Bahasa Melayu*

PENGENALAN

Bahasa Melayu yang dikatakan berasal daripada rumpun yang sama iaitu Austronesia diguna pakai oleh kebanyakan negara di Kepulauan Melayu ataupun Istilah Bahasa Austronesia dan Melayu Polinesia digunakan untuk merujuk kepada bahasa-bahasa yang terdapat di kawasan Nusantara (Mohd Khaidir Abdul Wahab, 2022). Dalam pada masa sama, bahasa Melayu juga dikenali sebagai bahasa yang kaya dengan warisan. Menurut Abdullah Hassan (2006), bahasa ialah cerminan sesebuah budaya dan bercirikan identiti sesuatu kelompok masyarakat.

Walaupun bahasa Melayu diguna pakai oleh negara-negara dalam Kepulauan Melayu, namun ciri budaya yang dipamerkan dalam penggunaan bahasa oleh sesebuah masyarakat dalam sesebuah negara adalah berbeza. Oleh sebab itu, suntikan pengajaran tentang budaya dalam pengajaran bahasa Melayu amatlah signifikan dalam membantu kefahaman pelajar tentang sesuatu budaya sesebuah negara. Kenyataan ini turut dipersetujui oleh Kramsch (1993) yang mengatakan bahawa bahasa dan budaya tidak boleh terpisah dan masing-masing memiliki perkaitan antara satu sama lain.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, integrasi elemen budaya yang diterapkan dalam pengajaran bahasa mampu menyuntik motivasi dan minat pelajar. Perkara ini adalah rentetan daripada saranan kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) yang menggalakkan peranan guru dalam mengajar elemen budaya melalui penggunaan alat bantu mengajar supaya pendidikan pelbagai budaya dapat disampaikan dengan berkesan (Ahmad Ali, 2011; Najeemah, 2005; Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010). Ishak Haron (2010) mendapati bahawa kandungan unsur-unsur budaya yang relevan yang dijadikan bahan pengajaran lebih menarik minat pelajar termasuklah pendedahan berkenaan corak dan cara hidup serta pemikiran masyarakat Melayu. Menurut Brown (2000) pula, pengajaran bahasa yang berkesan ialah gabungan elemen budaya dengan bahasa secara holistik dalam pengajaran.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam menjalankan sesuatu penelitian, pengumpulan data menjadi langkah penting dalam memperoleh informasi yang diperlukan (Ardiansyah et. al., 2023). Menurut Creswell 2014, secara amnya, dalam sesebuah penyelidikan, penelitian kualitatif bertujuan memahami fenomena secara mendalam melalui interpretasi dan analisis deskriptif, manakala penelitian kuantitatif pula bertujuan mengukur dan menganalisis data secara statistik. Oleh itu, dalam kajian ini, metodologi yang digunakan ialah pendekatan kualitatif. Pendekatan ini akan merungkai gambaran berkenaan elemen budaya yang diterjemah dalam silibus pengajaran Kursus LMCM1093 Bahasa Melayu Untuk Pelajar Nusantara di Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara aspek yang dilihat dalam mendapatkan dapatan kajian ini ialah reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen pengumpulan data, prosedur dan analisis data.

Dalam penelitian kualitatif, terdapat pelbagai teknik pengumpulan data yang umum digunakan. Salah satunya ialah wawancara yang melibatkan interaksi langsung antara peneliti dan partisipan untuk memperoleh pemahaman yang mendalam tentang pengalaman, persepsi dan pandangan mereka berkait topik penelitian (Merriam, 2009). Kajian ini mengguna pakai reka bentuk kajian deskriptif dalam menghuraikan elemen-elemen budaya yang diterapkan dalam silibus pengajaran. Sampel kajian pula merupakan pelajar-pelajar yang mengambil kursus LMCM1093 yang terdiri daripada

pelajar-pelajar yang berasal dari Kepulauan Nusantara seperti Indonesia, Brunei, Singapura dan Selatan Thailand. Pemilihan sampel dibuat untuk mendapatkan maklum balas daripada pelajar yang mengikuti kursus ini. Oleh sebab itu, kaedah persampelan dibuat untuk memastikan sampel yang dipilih (individu) adalah relevan dengan kehendak kajian. Di samping itu, instrumen yang digunakan dalam pengumpulan data adalah dengan menggunakan kaedah temu bual dan analisis kandungan.

Oleh itu, prosedur dalam pengumpulan data dilakukan dengan menjalankan temu bual terhadap pelajar-pelajar terpilih dan silibus pengajaran pula dianalisis untuk mengenal pasti topik-topik yang relevan dan berkaitan dengan elemen-elemen budaya.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis yang dilakukan, pengkaji telah mengenal pasti beberapa elemen budaya dalam masyarakat Malaysia telah dijadikan topik dan silibus pengajaran kursus LMCM1093. Antaranya ialah sistem sapaan dalam masyarakat Malaysia, rujukan hormat, adat dan budaya masyarakat Malaysia serta tabu bahasa.

Sistem Sapaan Masyarakat Malaysia

Berdasarkan analisis yang dilakukan, topik pengajaran ini sangat menarik minat pelajar kerana wujud perbezaan dalam sistem sapaan apabila dibandingkan dengan negara asal pelajar. Konsep sistem sapaan yang ditekankan juga meliputi pelbagai situasi kebahasaan sama ada rasmi dan tidak rasmi, formal dan tidak formal. Contohnya penggunaan kata sapaan seperti ‘abang’ di Malaysia disapa kepada semua lelaki yang tidak dikenali kecuali kanak-kanak dan orang-orang tua. Begitu juga dengan sapaan dalam keluarga khususnya adik-beradik seperti long, angah, uda, busu dan sebagainya. Tambahan lagi, sistem sapaan kepada kaum lain juga turut ditekankan dalam topik pengajaran. Oleh itu, elemen-elemen budaya masyarakat Malaysia khususnya dalam sistem sapaan secara tidak langsung mampu menambah pengetahuan pelajar tentang corak budaya masyarakat Malaysia.

Rujukan Hormat

Keunikan yang wujud di Malaysia khususnya melibatkan bentuk rujukan hormat kepada seseorang individu sama ada berstatus atau tidak menjadikan kursus ini semakin menarik. Dalam kursus LMCM1093 ini, pelajar akan didedahkan dengan bentuk rujukan hormat yang diguna pakai oleh masyarakat Malaysia. Lazimnya, Malaysia merupakan negara yang kaya dengan pengiktirafan kepada seseorang sehinggakan membawa gelaran-gelaran kepada si penerima. Contohnya rujukan hormat seperti Datuk, Dato’, Tun, Tan Sri dan sebagainya diberikan kepada tokoh yang berkeelayakan dan sapaan mereka juga tidak boleh sekadar nama sahaja.

Adat dan Budaya

Kepelbagaian bangsa yang ada di Malaysia juga memperlihatkan kepelbagaian budaya. Dalam kursus LMCM1093, aspek adat yang ditekankan adalah seperti adat berkunjung, adat bersalaman dan adat dalam perkahwinan. Kebanyakan pelajar berasa teruja dengan adat yang dipegang oleh masyarakat

Malaysia khususnya orang Melayu. Di Malaysia, orang Melayu sangat berpegang dengan adat, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan hal-ehwal agama. Contohnya adat ketika bersalam. Di Malaysia, lelaki dan perempuan Islam yang bukan mahram diharamkan untuk bersalaman tanpa apa-apa tujuan walaupun untuk tujuan menghormati. Begitu juga adat dalam perkahwinan, masyarakat Melayu Malaysia akan melalui beberapa fasa sebelum diijab kabul dan seterusnya diraikan dalam majlis resepsi. Manakala, aspek budaya yang ditekankan lebih menyentuh kepada busana tradisional bagi semua kaum utama di Malaysia selain perayaan-perayaan utama sesuatu kaum.

Tabu Bahasa

Pengkaji percaya setiap masyarakat memiliki tabu mereka sendiri. Walau bagaimanapun, unsur tabu bahasa yang diajar kepada pelajar yang mengikuti kursus LMCM1093 lebih kepada bentuk-bentuk kata yang dilarang untuk diujarkan kepada bentuk-bentuk kata yang memiliki ciri eufemisme. Hal ini demikian kerana terdapat perkataan yang sopan diujarkan di negara asal pelajar, tetapi tidak sopan untuk diujarkan dalam masyarakat Malaysia. Contoh perkataan bahasa Indonesia ‘butuh’ yang bermaksud perlu merupakan bentuk kata yang dikategorikan sebagai mencarut dan kata makian dalam bahasa Melayu Malaysia. Pendedahan bentuk tabu bahasa adalah penting kerana memberikan pengetahuan kepada pelajar tentang peraturan dalam berbahasa di negara lain. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan timbul salah faham apabila dua penutur dari dua negara berbeza berkomunikasi antara satu sama lain.

KESIMPULAN

Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa elemen budaya merupakan asas kefahaman komunikasi. Integrasi elemen budaya yang ditekankan dalam pengajaran bahasa Melayu khususnya kepada pelajar Nusantara amat signifikan dalam meningkatkan kefahaman, menambah minat dan menyerlahkan kemahiran komunikasi mereka. Elemen budaya dalam topik pengajaran seperti sistem kata sapaan, rujukan hormat, adat dan budaya serta tabu bahasa yang wujud dalam sesebuah negara dapat membantu pelajar untuk meningkatkan kefahaman mereka berkenaan nilai dan norma budaya masyarakat di Malaysia. Oleh itu, topik atau silibus pengajaran bahasa Melayu yang inklusif dan holistik boleh dikembangkan kepada pelajar luar Nusantara atau dikenali sebagai pelajar antarabangsa.

PENGHARGAAN

Penulisan ini merupakan sebahagian daripada kajian penyelidikan dalam Geran Galakan Pengurusan dan Profesional (GGPP) dengan kod CITRA-2020-004.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2006). *Linguistik Am*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ali Seman. (2011). *Keberkesanan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Berteraskan Perspektif Kepelbagaian Budaya Terhadap Pembentukan Integrasi Nasional*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ardiansyah et.al. 2023. Teknik Pengumpulan Data Dan Instrumen Penelitian Ilmiah Pendidikan Pada Pendekatan Kualitatif dan Kuantitatif. *Jurnal Pendidikan Islam*, 1-9
- Brown, H. D. (2000). *Principles of Language Learning and Teaching*. New York Longman.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Sage Publications.
- Ishak Haron. (2010). Integrasi Budaya dalam Pengajaran Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 45-58.
- Kramsch, C. (1993). *Context and Culture in Language Teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. Jossey-Bass.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab. 2022. Pengelompokan Bahasa Melayu dengan Bahasa Banjar dalam Salasilah Hipotetikal Bahasa: Kajian Perbandingan Leksikostatistik. *Jurnal Melayu* Vol 21 (1). 1 – 20
- Najeemah Mohd Yusof. (2005). Multicultural Education Practice Among Teachers in National Secondary schools: A case study in Kedah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 20, 97-111.
- Syed Ismail Syed Mustapha & Ahmad Subki Maskom. (2010). *Budaya dan pembelajaran*. Puchong, Malaysia: Penerbitan Multimedia.

PENTAKSIRAN DAN PENGUJIAN BAHASA

LANGUAGE TESTING AND EVALUATION

Theoretical Linguistics in English Academic Writing

Kenichi Namai

Waseda University

ken11a@waseda.jp

ABSTRACT

In the current trend of Communicative Language Teaching (CLT), English academic writing poses a serious problem to Japanese university students. Modern English education in Japan focuses on verbal communicative activities without much concern about students' errors, inviting many students to produce pidgin-like English sentences. This attitude toward English education seems to be accelerating because more and more Japanese researchers are trying to promote English education based on the idea of English as a Lingua Franca (ELF), which does not seem to have anything meaningful to offer in developing students' writing skills. In that sense, the current plight of English academic writing in Japanese universities may not be very surprising. Against this backdrop, the present study demonstrates the following two points: (1) CLT in the spirit of ELF does not help students acquire decent writing skills; (2) specific theoretical instructions on the structure of English are effective (and indispensable) in helping students acquire productive skills of English that enable them to write structurally more coherent paragraphs instead of chaotic sentence fragments, many of which are often impossible to decipher. As for the methodology, the study employs a qualitative analysis of English compositions by ordinary Japanese university students, followed by an experimental English course that gives specific instructions on basic ideas from theoretical linguistics. Implications of this study are many, but teacher training may be singled out. That is, more focus should be placed on trainees' linguistic competence, which becomes the basis of their communicative competence, for most Japanese teachers are nonactive speakers of English. After all, teachers can only teach what they know.

Keywords: *Academic writing; CLT; ELF, English education in Japan; Theoretical linguistics*

INTRODUCTION

The current trend of English education in Japan is Communicative Language Teaching (CLT), and this was first conceived of in 1977 by the Ministry of Education, which had judged Japan's traditional English education based on grammar-translation method to be ineffective and in 1987 proceeded to introduce a program by the name of the JET Program, which sends native speakers of English to secondary schools as assistant language teachers (ALTs). In fact, Japanese people in general have

been known to be rather weak at speaking English, and those Japanese who want to develop practical English skills often attend commercial English conversation schools, which started to appear in big cities like Tokyo mostly during the economic boom of the 1970s and 1980s. However, even after the adoption of CLT (with the help of ALTs) in schools, students' English skills do not seem to have improved very much. According to TOEFL iBT Test and Score Date Summary 2022 (ETS, 2023), Japan's average score of the speaking section was 17 (out of 30), the third lowest among the 30 participating Asian countries, followed only by Kazakhstan (15), and Viet Nam (14). (Incidentally, these two countries' total scores were 75 and 77 (out of 120), respectively, whereas that of Japan was 73, followed only by Laos and Tajikistan with 70.)

However, what has been dealt the severest blow by CLT seems to be students' writing skills. According to the the Ministry of Education's survey of 2017 (MEXT, 2017), 80.4 percent of high school seniors' writing skills were at CEFR's A1 level. The percentage of those who achieved A2 level was 19.3, so the total of 99.7 percent of Japanese high school students graduated with the writing skills characterized as "I can write a short, simple postcard, for example sending holiday greetings. I can fill in forms with personal details, for example entering my name, nationality and address on a hotel registration form" (CEFR A1) and "I can write short, simple notes and messages relating to matters in areas of immediate needs. I can write a very simple personal letter, for example thanking someone for something" (CEFR A2). No wonder Japanese students struggle with English composition in university.

Nevertheless, an increasing number of Japanese researchers are promoting English as a Lingua Franca in the field of English education in Japan. Seidlhofer (2018, pp. 3-4) reports that "in Japan ELF research and thinking about implications for education policy and pedagogy have been particularly strong over recent years (see D'Angelo, 2018). This is evidenced, for instance, in the founding of the JACET [Japan Association of College English Teachers] ELF SIG and *JACET ELF SIG Journal*, the Waseda ELF Research Group and *Waseda Working Papers in ELF*, the CELFIL (Content and ELF Integrated Learning) project (Hino, 2015), the English as a lingua franca program at Tamagawa University (Oda, 2017), Japanese data in the Asian Corpus of English (ACE), edited volumes on ELF with international publishers (e.g. Murata, 2016), international research projects and individual PhD projects at numerous Japanese universities, and an impressive number of contributions from Japan in recent issues of the *Journal of English as a Lingua Franca*."

However, speaking of ASEAN lingua franca, Kirkpatrick (2007, p. 163) points out that "it would be impossible to describe [it] as a single systematic system that could be codified and then used as a model for the ASEAN English language classroom." Whatever kind of ELF education the aforementioned Japanese researchers have in mind, the same applies to the English language classroom in Japan as well. After all, "ELF is not monolithic or a single variety" (Cogo, 2012, p.98) and that "the traditional terms 'community [of speakers]' and 'variety' do not capture the fluidity, variability, and creativity that are inherent in ELF" (Cogo, 2012, p. 99). Therefore, it is inconceivable to teach ELF, especially in a linguistically homogeneous country like Japan, because such a "natural language" (Cogo, 2012, p. 103) with no native speakers is too disorderly to be encapsulated in a textbook to begin with. Perhaps for this reason, Cogo writes that "ELF is not 'encouraged'" (2012, p. 99).

And yet, the aforementioned Japanese researchers are trying hard to replace Japan's traditional English education based on "Standard English (SE)" with that based on ELF. For example, Murata, Konakahara, and Ishikawa (2022, p. 38) claim that "[t]he problem is deep-seated as the local governments appear to truly believe hiring [native English speakers] and exposing their pupils and students to 'native English' are good practices and advantageous for them, not being aware of the nature of the current reality of the use of ELF in the wider world and in their pupils and students' future." Ishikawa (2018, p. 13) says that "teaching practitioners may want to place greater emphasis on promoting learning through use and reflection than teaching and testing prescriptive norms." Hence, "it is imperative that changes [...] occur more quickly at educational level and context to better prepare pupils and students to be able to face their current and future realities" (Murata et al., 2022, p. 46).

This state of affairs urged me to conduct a study of Japanese university students' writing skills. This qualitative study revealed that the problems students have cannot seem to be remedied by the adoption of ELF, whose main assumption is that "communicative effectiveness clearly does not depend on conforming to correctness or the norms of usage of native speakers" (Seidlhofer, 2018, p. 12). However, students' compositions are often communicatively ineffective (i.e. unintelligible) precisely because they fail to follow such norms. Also, the study demonstrated the necessity of grammar instructions, which are possible only if teachers have a basic knowledge of theoretical linguistics, such as information structure and point of view, in addition to various rules from phonology and syntax.

METHODOLOGY

A 14-week English course was offered at a Japanese university for 14 monolingual first-year students, all of whom had studied English for at least eight years. As a pretest, the students wrote a TOEFL-like essay, which was then examined for intelligibility. Then, specific instructions were given throughout the course regarding essay organization and important grammatical rules. A special focus was placed on the idea of point of view, since the students were not familiar with it; they wrote paragraphs in which point of view shifted from sentence to sentence, making their essays difficult to follow.

Basically, we take the point of view of the subject of a sentence if that subject is animate. If it is inanimate, then the sentence is viewed as a neutral statement. This succinctly explains the difference between (1) and (2); notice that (1) is often regarded as rude, whereas (2) neutral.

(1) Why did you come to Tokyo?

(2) What brings to Tokyo?

What is also relevant here is the difference between active and passive sentences. Students (and even some teachers!) often think that these two sentence types are totally interchangeable. Although this understanding may be justified in terms of truth condition, in reality, (3) and (4) do not have the same meaning (Saraceni 2008: p. 166).

(3) The police shot the demonstrators.

(4) The demonstrators were shot by the police.

Other theoretical linguistic notions taught include transitivity, intentionality, rules regarding participial construction. Then, the students wrote another essay, which was examined for improvement.

RESULTS AND DISCUSSION

As for the pretest, the students' essays were full of technical problems that hindered intelligibility. Here are three example sentences, which do not seem passable even in terms of ELF standards (if there are such things).

(5) Making a decision by people who belongs to its project is important.

(6) What there is not people who think or make decision together is serious thing.

(7) If people who is consulted against one, this led to fights.

We know that in conversation, we can always ask for clarification, but this is impossible when reading. We also know that "[t]he majority of those who learn a language other than their first native tongue (or tongues, if they are effectively multilingual from childhood) tend only to reach a moderate level of competence" (Sowden, 2012, p. 93) even though they are conventionally exposed to the standard variety of that language with the help of well-organized textbooks. It thus seems obvious that exposing students to ELF in place of SE can never redress the problems in (5) - (7), to say the least.

Regarding point of view, nine students wrote paragraphs like (8) in their pretest essays.

(8) It is important for people to help each other. We don't have to decide anything alone. To help each other defend to make mistakes. We can check an important point. When you get a wrong decision, they would make to change right decision.

Notice that with many different subjects, it is difficult to determine from whose viewpoint this paragraph is written.

After receiving specific instructions on the theoretical linguistic notions mentioned above, 13 students wrote a second essay. Although there was still much to be desired, at least none of these essays contained the problem characterized by (8). One can only wonder how problems like this may be handled in ELF-based English classes.

CONCLUSION

It is often said that Japanese students don't develop practical English skills because they tend to remain quiet in fear of making mistakes publicly and that this is all due to school education that requires conformity to SE norms (e.g. Murata 2019). However, this study revealed that their weak skills actually stem from lack of basic grammatical knowledge, which was revealed in the essays that

14 students wrote. Since writing doesn't induce anxiety of publicly losing face, ELF, which characteristically accepts anything that students produce in the name of "fluidity, variability, and creativity" (Cogo, 2012, p. 99), seems to offer nothing helpful in improving students' writing skills.

Learning a foreign language necessarily involves the understanding of, inter alia, rules for constructing sentences with different meanings. In school settings, this requires specific instructions of those rules, which lay the groundwork for any successful classroom activity. Although the scale of the present study was rather small, it at least demonstrated the importance of such instructions, which actually helped students write more coherent paragraphs. And yet, the trend of English education in Japan is still that of CLT. Therefore, it must be guaranteed that teacher training programs contain a component for basic theoretical linguistic notions without fail. This is so because trainees need to develop linguistic competence as future English teachers. Without it, the range of communicative activities they can conduct with their students would be very much limited.

REFERENCES

- Cogo, A. (2012). English as a lingua franca: concepts, use, and implications. *ELT Journal* 66(1), 97-105.
- D'Angelo, J. (2018). The status of ELF in Japan. In J. Jenkins, W. Baker, & M. Dewey (Eds.) *The Routledge handbook of English as a lingua franca*, (pp.165-175). Abingdon: Routledge.
- ETS. (2023). *TOEFL iBT test and score data summary 2022*. Retrieved from <https://www.ets.org/pdfs/toefl/toefl-ibt-test-score-data-summary-2022.pdf>
- Hino, N. (2015). Toward the development of CELFIL (Content and ELF integrated learning) for EMI classes in higher education in Japan. *Waseda Working Papers in ELF* 4, 187-198.
- Ishikawa, T. (2018). From English native-speakerism to multilingualism: a conceptual note. *JACET ELF SIG Journal* 2, 9-17.
- Kirkpatrick, A. (2007). *World Englishes: implications for international communication and English language teaching*. Cambridge: Cambridge University Press.
- MEXT (Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology). (2017). Summary: the results of the 2017 survey of high school seniors' English skills. Retrieved from https://www.mext.go.jp/a_menu/kokusai/gaikokugo/_icsFiles/afieldfile/2018/04/06/1403470_03_1.pdf
- Murata, K. (Ed.). (2016). *Exploring ELF in Japanese academic and business contexts: conceptualization, research and pedagogic implications*. Abingdon: Routledge.
- Murata, K. (2019). The realities of the use of English in the globalised world and the teaching of English: a discrepancy? *JACET Journal* 63, 7-26.

- Murata, K., Konakahara, M. & Ishikawa, T. (2022). Acceleration of diversity in business contexts vs prevalence of NES monolingual value in school contexts: results from a BP questionnaire. *JACET ELF SIG Journal 6*, 29-52.
- Oda, M. (2017). CELF reflection: a journey to the establishment of a university ELF program. *JACET ELF SIG Journal 1*, 3-17.
- Saraceni, M. (2008). Meaningful form: transitivity and intentionality. *ELT Journal 62*(2), 164-172.
- Seidlhofer, B. (2018). English as a lingua franca: why is it so controversial? *JACET Selected Papers 5*, 2-24.
- Sowden, C. (2012). ELF on a mushroom: the overnight growth in English as a lingua franca. *ELT Journal Volume 66*(1), 89-96.

Ingatan Kosa Kata Bahasa Melayu melalui Ujian Kosa Kata Pantas: Perbandingan antara Pelajar Prasiswazah dan Pelajar Pascasiswazah Asing UKM

Amirul Mukminin Mohamad

Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia

microll@ukm.edu.my

ABSTRAK

Dalam pembelajaran Bahasa Melayu untuk pelajar asing, penguasaan kosa kata adalah antara perkara penting yang perlu diberi perhatian. Penguasaan kosa kata yang baik dalam kalangan pelajar asing akan menyumbang kepada penguasaan bahasa dan komunikasi. Namun, situasi pembelajaran Bahasa Melayu pada masa kini menyaksikan kelemahan pelajar dalam mengingat kosa kata penting yang telah dipelajari. Hal ini seterusnya memberi impak kepada prestasi mereka dalam penguasaan bahasa Melayu. Umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat tahap penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar, melalui perbandingan min antara pelajar prasiswazah dan pascasiswazah. Dalam konteks ini, pelajar prasiswazah dan pascasiswazah yang berbeza tahap umur dan pengajian didedahkan kepada kursus bahasa Melayu tahap asas yang sama. Untuk tujuan kajian ini, instrumen ujian yang dinamakan Ujian Kosa Kata Pantas dijalankan kepada setiap kumpulan pelajar untuk melihat jumlah kosa kata yang mampu diingat oleh pelajar kedua-dua kumpulan dalam jumlah masa yang ditetapkan. Data kajian seterusnya dianalisis menggunakan Ujian T Bebas melalui kaedah perbandingan, dengan hasil ujian normaliti ($p=0.525$). Penggolongan data kajian memfokuskan kepada dua golongan kata iaitu kata nama dan kata kerja untuk melihat prestasi ingatan pelajar terhadap kosa kata daripada dua golongan kata tersebut. Dapatan kajian menunjukkan min kosa kata oleh pelajar prasiswazah (min=32.46) kurang berbanding pelajar pascasiswazah (min=49.73). Golongan kata nama ialah golongan kata yang mencatatkan nilai tertinggi dalam ingatan kosa kata untuk kedua-dua kumpulan. Dapatan ini sekaligus menunjukkan tahap ingatan serta penguasaan kosa kata oleh pelajar pascasiswazah dalam konteks kajian ini adalah melebihi pelajar prasiswazah.

Keywords: *Pendidikan Bahasa; Kognitif; Kosa kata; Bahasa Melayu; Ujian*

PENGENALAN

Pembelajaran kursus bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi tempatan menekankan empat kemahiran utama iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran menulis dan kemahiran membaca. Namun, sebagai tambahan, pembelajaran bahasa juga ada tiga lagi komponen yang tidak boleh diketepikan, iaitu kosa kata, sebutan dan tatabahasa

(Schmitt, 2008). Dalam hal ini, kosa kata merupakan salah satu daripada perkara asas untuk penguasaan bahasa yang dipelajari, sama ada bahasa kedua atau bahasa ketiga. Tanpa penguasaan kosa kata, pelajar atau penutur asing tidak dapat memahami individu lain atau menzahirkan pemikiran dan perasaan. Dalam proses menguasai bahasa baharu, pembelajaran bahasa memerlukan kepada penguasaan, sekurang-kurangnya, 3,000 kelompok perkataan untuk berkomunikasi dan memahami 95% bahasa yang dituturkan oleh penutur natif (Nakata & Webb, 2016).

Dalam proses menguasai bahasa dan memiliki kemahiran komunikasi yang baik, kosa kata merupakan antara aspek yang penting dan perlu dititikberatkan. Secara asasnya, kosa kata ialah perkataan yang mengandungi maksud dan difahami oleh penutur bahasa tersebut (Basal et. al., 2016). Pengetahuan kosa kata yang luas membolehkan seseorang itu untuk memiliki kemahiran dan penguasaan bahasa itu dalam banyak peringkat, cabang dan aspek, sementara pengetahuan kosa kata yang sempit menyebabkan seseorang itu gagal memperoleh banyak input dan manfaat daripada bahasa yang dipelajari (Susanto & Suhardianto, 2018).

Dalam aspek pembelajaran bahasa asing, pembelajaran kosa kata merupakan antara ciri primier yang perlu diberi perhatian. Dalam hal ini, pembelajaran kosa kata ini adalah satu proses berterusan untuk mengenal perkataan baru dan memahami penggunaannya (Memis, 2018) manakala teknik pembelajaran bahasa pula merupakan satu wasilah untuk pelajar menguasai kosa kata. Perkara ini disebabkan cara pembelajaran kosa kata oleh pelajar yang mempelajari bahasa asing tidak sama seperti pelajar penutur jati, yang memperolehnya melalui pendedahan dan pengalaman sekeliling secara semulajadi. Dalam usaha mempelajari sesuatu bahasa itu dengan lebih efektif, penggunaan teknik pembelajaran kosa kata yang digabungkan antara pembelajaran secara formal, di samping pembelajaran sendiri dan pendedahan dalam konteks sebenar merupakan kaedah yang lebih berkesan dan memberi impak (Teng, 2023). Dalam hal ini, banyak kajian yang telah membuktikan akan wujudnya hubungan yang signifikan antara penguasaan kosa kata dan penguasaan bahasa (Susanto & Suhardianto, 2018). Walau bagaimanapun, situasi berbeza yang ditunjukkan oleh para pelajar antarabangsa dalam hal berkaitan pengetahuan kosa kata dalam proses pembelajaran bahasa Melayu menjadi antara tunjang kepada permasalahan utama, seterusnya membawa kepada kajian yang bakal dijalankan.

Kurangnya pengetahuan dalam penguasaan kosa kata merupakan halangan dan kekangan terbesar yang perlu ditangani oleh penutur bahasa kedua/asing (Ahmad & Rina, 2023) di mana faktor utama kepada kesukaran ini ialah mengetahui dan mengingati makna perkataan tersebut, walaupun mereka mampu menyebut perkataan tersebut dengan betul (Hajrullai, 2019). Dalam hal ini, pengetahuan kosa kata yang dimiliki oleh pelajar bahasa kedua/asing adalah lemah disebabkan kegagalan untuk membina penguasaan makna dan sebutan perkataan tersebut (Schmitt, 2008). Dalam hal ini, untuk pelajar bahasa kedua/asing, pembinaan pengetahuan kosa kata merupakan satu proses yang lebih sukar dan memerlukan latihan serta komitmen yang tinggi. Penguasaan dan pengetahuan kosa kata dalam bahasa Melayu oleh pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu merupakan salah satu daripada kemahiran bahasa yang penting. Namun begitu, kebanyakan pelajar amat lemah dalam penguasaan bahasa Melayu, terutama sekali melibatkan penguasaan kosa kata. Kelemahan ini menyebabkan pelajar berhadapan dengan masalah penguasaan bahasa Melayu yang dipelajari, memandangkan wujudnya hubungan yang signifikan antara pengetahuan kosa kata dan penguasaan bahasa yang dipelajari. Situasi ini menyebabkan pelajar berhadapan dengan masalah untuk

menggunakan ilmu bahasa yang dipelajari itu di luar kelas serta mengamalkan bahasa Melayu di dunia yang sebenar.

METODOLOGI

Kajian kuantitatif ini dijalankan melalui kaedah kuasi eksperimen. Kajian ini bermatlamat untuk melihat perbezaan bilangan kosa kata bahasa Melayu antara kelompok pelajar prasiswazah dan pelajar pascasiswazah antarabangsa. Selain melihat perbezaan keseluruhan kosa kata, kajian ini turut melihat perbandingan antara dua kelompok pelajar antarabangsa tersebut pada dua aspek penggolongan kata iaitu kata nama (KN) dan kata kerja (KK).

1) Populasi / Sampel

Pemilihan responden kajian ini dibuat melalui pensampelan bertujuan. Kaedah pemilihan responden ini melibatkan pertimbangan untuk memilih responden berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus pengkaji. Dalam pada itu, responden perlu berada dalam keadaan yang bersedia. Responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar prasiswazah dan pascasiswazah antarabangsa yang mengikuti kursus bahasa Melayu untuk pelajar asing di UKM. Justifikasi pemilihan responden kajian ini adalah berdasarkan:

- a) Kajian ini berada di bawah bidang pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing di UKM. Jadi, hanya pelajar antarabangsa yang menjalani pembelajaran kursus tersebut di UKM sahaja yang layak untuk terlibat dalam kajian.
- b) Kajian ini menekankan kepada pengetahuan dan penguasaan tentang aspek kosa kata. Dalam hal ini, hanya pelajar yang telah memiliki pengetahuan dan penguasaan bahasa Melayu serta kosa kata asas sahaja yang boleh terlibat dalam kajian.

Daripada sejumlah 245 orang pelajar prasiswazah dan pascasiswazah (103 pelajar prasiswazah dan 142 pelajar pascasiswazah) yang berdaftar dan mengikuti kursus pada semester pengajian semasa, seramai 64 (32+32) orang responden kajian telah dipilih dalam kajian ini. 64 orang responden kajian ini merupakan pelajar-pelajar daripada dua set kelas pengajaran kursus Bahasa Melayu sebagai bahasa asing (set prasiswazah dan set sarjana) dengan 32 pelajar untuk setiap set. Set kelas pascasiswazah ialah kelas yang terdiri daripada pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah daripada pelbagai negara, dengan majoritinya daripada China. Set kelas prasiswazah pula merupakan barisan pelajar yang kesemuanya dari China. Kedua-dua set kelas ini mengikuti kursus Bahasa Melayu dengan topik pengajaran, kaedah pengajaran, penilaian serta bahan pengajaran yang sama.

2) Instrumen Kajian

Instrumen pengujian di kelas yang dinamakan 'Ujian Kosa Kata Pantas' digunakan dalam kajian ini. Dalam prosedur ujian ini, pelajar perlu menulis semua kosa kata bahasa Melayu yang mereka ketahui dan ingat dalam tempoh masa yang diberikan. Bahan ujian yang disediakan ialah sehelai kertas ujian yang berisi maklumat iaitu nama ujian, nama pelajar/responden, nombor pendaftaran pelajar serta ruang untuk menulis perkataan.

3) Kaedah Kajian dan Kutipan Data

Perkara pertama dalam kaedah kajian ialah mewujudkan dua kumpulan pelajar berdasarkan tahap pengajian. Sesi ujian dijalankan berdasarkan jadual sedia ada pada sesi pembelajaran set yang terlibat. Pada hari ujian, para pelajar diberikan taklimat tentang tujuan kajian dan perjalanan ujian. Kertas ujian diberikan kepada setiap pelajar dan mereka diberi masa 5 minit sahaja untuk megingati dan mencatat semua perkataan yang mereka ingati, tanpa menyatakan golongan kata tertentu. Sebaik tempoh tamat, semua kertas ujian dikutip.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian adalah seperti berikut:

Perbandingan Jumlah Kata secara Keseluruhan antara Kumpulan

Ho1 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah kosa kata pelajar prasiswazah dengan pelajar pascasiswazah

Ha1 – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah kosa kata pelajar prasiswazah dengan pelajar pascasiswazah

Bagi dapatan jumlah kosa kata secara keseluruhan, pelajar prasiswazah memperoleh nilai min yang lebih rendah dengan 33.461 (Sisihan Piawai = 8.362) sementara pelajar pascasiswazah memperoleh nilai min lebih tinggi iaitu 49.728 (Sisihan Piawai = 14.450). Perbezaan nilai min sebanyak 17.27 melalui dua data yang telah dinyatakan membuktikan bahawa pelajar pascasiswazah mencatatkan jumlah kosa kata yang lebih banyak berbanding pelajar prasiswazah.

Analisis perbandingan jumlah kosa kata dua kumpulan kajian melalui Ujian T-Dua Sampel Bebas memperoleh nilai signifikan iaitu $p = 0.001$ dengan nilai $t = 3.793$. Memandangkan nilai yang dicatatkan adalah kurang daripada 0.05, kesimpulan yang boleh dilakukan daripada hasil Ujian T ini ialah adanya perbezaan yang signifikan antara nilai min jumlah kosa kata antara kelompok pelajar prasiswazah dan pelajar pascasiswazah, dengan $t(30)=3.793$, $p = 0.001$. Dapatan ini menolak Ho untuk menyatakan bahawa jumlah kosa kata pelajar pascasiswazah melebihi pelajar prasiswazah.

Perbandingan Jumlah Kata Nama antara Kumpulan

Ho2 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah kata nama antara pelajar prasiswazah dan pascasiswazah

Ha2 – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah kata nama antara pelajar prasiswazah dan pelajar pascasiswazah

Bagi dapatan jumlah kata nama, pelajar pascasiswazah memperoleh nilai min yang lebih besar dengan 30.000 (Sisihan Piawai = 10.263) sementara pelajar prasiswazah memperoleh nilai min lebih kecil iaitu 19.38 (Sisihan Piawai = 8.016). Perbezaan nilai min sebanyak 10.63 melalui dua data yang

telah dinyatakan membuktikan bahawa pelajar pascasiswazah mencatatkan jumlah kata nama yang lebih banyak berbanding pelajar prasiswazah.

Analisis perbandingan jumlah kosa kata dua kumpulan kajian melalui Ujian T-Dua Sampel Bebas memperoleh nilai signifikan iaitu $p = 0.003$ dengan nilai $t = 3.264$. Memandangkan nilai yang dicatatkan adalah kurang daripada 0.05, kesimpulan yang boleh dilakukan daripada hasil Ujian T ini ialah adanya perbezaan yang signifikan antara nilai min jumlah kosa kata antara kelompok pelajar prasiswazah dan pelajar pascasiswazah, dengan $t(30)=3.264$, $p = 0.003$. Dapatan ini menolak H_0 untuk menyatakan bahawa jumlah kata nama pelajar pascasiswazah melebihi pelajar prasiswazah.

Perbandingan Jumlah Kata Kerja antara Kumpulan

H_{03} – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah kata kerja antara pelajar prasiswazah dan pascasiswazah

H_{a3} – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah kata kerja antara pelajar prasiswazah dan pascasiswazah

Bagi dapatan jumlah kata kerja secara keseluruhan, pelajar prasiswazah memperoleh nilai min yang lebih rendah dengan 6.250 (Sisihan Piawai = 2.38) sementara pelajar pascasiswazah memperoleh nilai min lebih tinggi iaitu 8.000 (Sisihan Piawai = 4.382). Perbezaan nilai min sebanyak 1.75 melalui dua data yang telah dinyatakan membuktikan bahawa pelajar pascasiswazah mencatatkan jumlah kosa kata yang lebih banyak berbanding pelajar prasiswazah.

Analisis perbandingan jumlah kata kerja kumpulan kajian melalui Ujian T-Dua Sampel Bebas memperoleh nilai signifikan iaitu $p = 1.71$ dengan nilai $t = 1.404$. Memandangkan nilai yang dicatatkan adalah lebih daripada 0.05, kesimpulan yang boleh dilakukan daripada hasil Ujian T ini ialah tiada perbezaan yang signifikan antara nilai min jumlah kata kerja antara kelompok pelajar prasiswazah dan pelajar pascasiswazah, dengan $t(30)=1.404$, $p = 1.71$. Dapatan ini menerima H_0 untuk menyatakan bahawa jumlah kata kerja pelajar pascasiswazah dan pelajar prasiswazah adalah sama.

KESIMPULAN

Dapat dirumuskan bahawa kosa kata merupakan satu elemen yang amat diperlukan oleh seorang pelajar untuk menguasai sesuatu bahasa yang dipelajari, selain daripada empat kemahiran bahasa. Oleh yang demikian, pelajar perlu dilengkapi dengan pengetahuan kosa kata yang secukupnya, dan ujian inventori perlu dilakukan untuk mengukur sebanyak mana pelajar telah memperoleh kosa kata dalam bahasa sasaran.

RUJUKAN

Pengajar akan memperkenalkan ChatGPT sebagai alat pembelajaran dalam kelas. Sesi pengenalan ini akan melibatkan demonstrasi tentang cara menggunakan ChatGPT untuk menyelesaikan tugas dan mendapatkan maklumat.

2. Pemberian Arahan dan Tugas

Pengajar akan memberikan arahan dan tugas kepada pelajar dalam pelbagai bentuk, termasuk artikel untuk dianalisis atau pertanyaan yang perlu dirumuskan. Tugas ini dirancang untuk melibatkan pelajar dalam proses pembelajaran yang meliputi pemahaman konsep, analisis kritis, dan pengaplikasian pengetahuan.

3. Penggunaan Prompt ChatGPT

Pelajar akan menggunakan prompt yang telah ditetapkan oleh pengajar untuk mendapatkan maklumat dan menyelesaikan tugas. Prompt ini akan dirancang untuk memandu pelajar dalam mengarahkan ChatGPT ke arah yang relevan dengan tugas yang diberikan.

4. Pemberian Informasi oleh ChatGPT

ChatGPT akan memberikan informasi yang diperlukan oleh pelajar berdasarkan prompt yang diberikan. ChatGPT menjana informasi meliputi tatabahasa, semantik, dan “language pattern”. Melalui bimbingan pengajar, informasi ini akan digunakan oleh pelajar untuk melengkapkan tugas mereka

5. Aplikasi ChatGPT oleh Pelajar

Pelajar akan mengaplikasikan maklumat yang diperoleh daripada ChatGPT dalam tugas mereka. Ini termasuk menyediakan draf pertama berdasarkan maklumat yang diberikan oleh ChatGPT, yang kemudian akan dikongsi dengan rakan-rakan dalam sesi perbincangan kumpulan dan dikaji secara kritikal.

Berikut adalah cara pelajar boleh memperkaya pengalaman pembelajaran berdasarkan kaedah pembelajaran yang dinyatakan:

- a. Q&A (Soal Jawab): Pelajar menggunakan ChatGPT untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan yang diberikan oleh pengajar. Ini membantu dalam memahami konsep-konsep yang kompleks.
- b. Koperatif & Kolaboratif: Pelajar bekerjasama dalam kumpulan untuk menyelesaikan tugas dengan bantuan ChatGPT. Ini menggalakkan kerja berpasukan dan pembelajaran bersama.
- c. Autonomous: Pelajar diberi kebebasan untuk meneroka dan belajar secara mandiri menggunakan ChatGPT. Ini membantu dalam membina kemahiran pembelajaran sendiri.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan ChatGPT memberikan kesan positif yang mendalam terhadap pelajar dan pengajar, dengan meningkatkan kemahiran serta pengalaman pembelajaran bagi kedua-dua pihak. Berikut adalah beberapa dapatan utama:

Implikasi kepada Pelajar

a) Kemahiran Berbahasa yang Lebih Baik

Dengan bantuan ChatGPT, pelajar dapat memperbaiki kemahiran berbahasa mereka dengan mempelajari penggunaan perkataan dan frasa baru, serta memahami konteks penggunaan bahasa yang betul. Ini akan meningkatkan keupayaan mereka dalam komunikasi bertulis dan lisan.

b) Pengembangan Keterampilan Komunikasi

Penggunaan ChatGPT dapat membantu pelajar dengan memberikan idea dan cadangan mengenai cara menyusun dan menyampaikan maklumat dengan jelas serta menawarkan panduan mengenai teknik komunikasi yang efektif. Dengan memanfaatkan sumber ini, pelajar akan lebih mampu mengartikulasikan idea mereka dengan berkesan, sama ada dalam bentuk tulisan atau percakapan, dan mengasah keterampilan komunikasi mereka dengan lebih baik.

c) Pemikiran Kritis yang Lebih Mendalam

Penggunaan ChatGPT merangsang pelajar untuk terlibat dalam diskusi yang lebih mendalam dengan memberikan soalan-soalan yang mencabar. Pelajar berpeluang untuk mengemukakan soalan mengenai cara maklumat diperoleh, tahap kesinambungan maklumat tersebut, dan tindakan lanjut yang perlu diambil. Pendekatan ini membantu pelajar dalam menganalisis, menilai, dan mencipta idea baru berdasarkan maklumat yang diperoleh, seterusnya meningkatkan kebolehan mereka dalam berfikir secara kritis.

d) Pembelajaran Berdikari

Pelajar akan lebih terdorong untuk belajar secara autonomi dengan bantuan ChatGPT. Mereka boleh mencari maklumat sendiri dan menyelesaikan masalah secara berdikari, yang akan meningkatkan keyakinan dan kecekapan mereka dalam pembelajaran.

Implikasi kepada Pengajar

a. Pengajaran yang Lebih Pelbagai

Pengajar boleh memanfaatkan ChatGPT untuk menyokong pelbagai kaedah pengajaran seperti Heutagogi, Peeragogi, dan Cybergogi. Ini akan menjadikan pengajaran lebih menarik dan berkesan.

b. Mediator Pembelajaran

Pengajar berperanan sebagai mediator, membantu pelajar menggunakan ChatGPT secara efektif untuk merangsang pemikiran kritis dan pemahaman yang lebih mendalam terhadap subjek yang dipelajari.

c. Penggunaan Teknologi dalam Pendidikan

Pengajar dapat memanfaatkan teknologi ChatGPT untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar. Ini bukan sahaja meningkatkan kualiti pengajaran tetapi juga membantu pengajar untuk lebih cekap dalam mengendalikan kelas.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan ChatGPT dalam pembelajaran bahasa mempunyai potensi besar untuk meningkatkan kemahiran berbahasa dan pemikiran kritis pelajar. Dengan integrasi teknologi ini dalam kurikulum, pengajaran dapat menjadi lebih dinamik, interaktif, dan berkesan. Oleh itu, adalah penting untuk mempertimbangkan penggunaan alat kecerdasan buatan seperti ChatGPT dalam usaha mempertingkatkan kualiti pendidikan di Malaysia.

RUJUKAN

- Ashley Abramson. How To Use ChatGPT as A Learning Tool. American Psychological Association. March 27, 2023 Vol. 54 No. 4
- Azura Halid. Dinamik Bahasa Dalam Penggunaan ChatGPT. 12 Mei 2023. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dinamik-bahasa-dalam-penggunaan-chatgpt-419261>
- Guo, Y., & Lee, D. (2023). Leveraging chatgpt for enhancing critical thinking skills. *Journal of Chemical Education*, 100(12), 4876-4883.
- Nafiseh Zarei dan Ivan Dolph Fabregas. (2023) The Incorporation of Technology in Teaching the English Language. *Asia Journal of Social Science Research*, 5(2), 27- 33
- Rezki Perdani Sawai. (2021). [KOLUMNIS] Pendekatan Pendidikan Era Baharu: Heutagogi, Peeragogi dan Cybergogi <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kolumnis-pendekatan-pendidikan-era-baharu-heutagogi-peeragogi-dan-cybergogi-304614>

Rosanne Zeppieri. (2023). Questions, Critical Thinking, and Language Proficiency. NECTFL Review, n92, 155-164, 2024 <https://eric.ed.gov/?id=EJ1418118>

Shelena Soosay Nathan dan Mazidah Mat Rejab. Penggunaan Teknologi ChatGpt Dalam Pendidikan, Kawan atau Lawan? 17 March 2023 <https://malaysiagazette.com/2023/03/17/penggunaan-teknologi-chatgpt-dalam-pendidikan-kawan-atau-lawan/>

Leveraging Online Tools and Humanising Teaching Approach to Improve ESL Learners' Pronunciation Skills

[1] *Halizah Omar, [2] Normazidah Che Musa, [3] Sa'adiah Kummin

[1][2][3] Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia

*halizah@ukm.edu.my, mazidah@ukm.edu.my, saadiah@ukm.edu.my

ABSTRACT

This research explores the use of online tools (namely online dictionaries, AI Pronounce, English Conversation apps, YouTube videos, and Microsoft Teams) in enhancing the pronunciation skills of English as second language (ESL) learners. ESL learners commonly encounter challenges in correctly articulating vowel and consonant sounds; and placing stress on syllables and words, potentially leading to communication barriers and misunderstandings. The study analysed 10 Monologue Presentation videos to look at how the use of online tools helps improve students' pronunciation skills. The videos were gathered from one of the evaluations in the Pronunciation in English course. Individual semi-structured interviews were conducted to gain in-depth insights into learners' experiences and perceptions regarding the use of these online tools. Scaffolding and feedback sessions were facilitated by the instructor through Microsoft Teams. The results indicated that learners found the online tools valuable to help them acquire accurate pronunciation and stress patterns. They particularly appreciated the personalised feedback sessions conducted through Microsoft Teams, which encouraged them to ask questions and seek clarification. Despite the availability of numerous online tools, learners emphasized the crucial role of the instructor in modelling correct language use, providing scaffolding, offering feedback, and empathetically addressing their challenges. This underscores the importance of placing learners at the centre of the teaching and learning process, highlighting the need for empathy, ethical considerations, and effective communication in today's digital educational landscape.

Keywords: *Online tools; Pronunciation skills; Scaffolding; Feedback; Humanising teaching approach*

INTRODUCTION

English as second language (ESL) learners often face challenges in speaking, particularly with the pronunciation of English words, which can lead to confusion and misunderstanding. Some learners struggle with articulating consonant and vowel sounds correctly, such as /θ/ in *thought* (/θɔ:t/) and /ð/ in *though* (/ðəʊ/). Others have difficulty distinguishing between short and long vowels, like /ɪ/ versus /i:/ in *rid* (/rɪd/) and *read* (/ri:d/), or /ʊ/ versus /u:/ in *full* (/fʊl/) and *fool* (/fu:l/). Another

significant issue is placing the correct syllable stress in words, such as *Object* (/ˈɒbdʒɪkt/) versus *obJECT* (/əbˈdʒekt/).

Stress patterns pose another significant challenge for ESL learners, a skill that has not been sufficiently emphasized in the school curriculum or at the tertiary level in Malaysia. As a result, learners often struggle to identify which syllables and words need to be stressed. Properly stressing verbs, nouns, adjectives, and adverbs is crucial for producing the natural melody of English speech. Several factors contribute to learners' difficulties in mastering stress patterns, including interference from their mother tongue and limited use of English in their daily lives. However, numerous recent studies namely by Gao & Zheng (2023), Jou & Chou (2022), Lee & Lee (2020), Madhavi et al. (2023), Miller & McLoughlin (2023), and Tsou (2021), suggest that innovative use of online tools can significantly enhance their speaking abilities, including pronunciation skills.

This research explores the use of five online tools to enhance ESL learners' pronunciation skills: online dictionaries (eg. Oxford Learners Online Dictionary, Cambridge Online Dictionary), Pronounce: Professional English Speech Checker (<https://www.getpronounce.com/>), YouTube videos, Microsoft Teams, and the English Conversation Practice application. The study is grounded in Kolb's experiential learning cycle (1983) and Vygotsky's Zone of Proximal Development and Scaffolding (Vygotsky, 1978, as cited in Anastasiya & Ernesto, 2020). Although learners may have limited language abilities, with the support of knowledgeable teachers, peers, or technology, they can significantly improve in various aspects of language learning, particularly pronunciation and vocabulary in this context.

This qualitative study utilized three data collection techniques. First, ten ESL learners' monologue presentation videos, scripts, and assessment scores were selected for document analysis. Next, semi-structured interviews were conducted with eight ESL learners by the instructor-researcher to gain in-depth insights into their experiences and perceptions of the online tools used to improve pronunciation, as well as the scaffolding and feedback provided through Microsoft Teams. Finally, an observation was conducted during a conferencing session with a group of five ESL learners enrolled in a Pronunciation in English course. The instructor acted as a participant observer, gathering information on their use of online tools and their responses to the feedback and scaffolding provided during the conferencing sessions for their monologue practices.

Descriptive statistics, including frequency and percentage analyses, were conducted on learners' errors in vowels, consonant sounds, stress patterns, and test scores. A thematic analysis was applied to the interview and observation data, where emerging themes were refined to eliminate redundancies. The data were analyzed, compared, contrasted, and triangulated to enhance understanding of the investigated phenomenon. As emphasized by Flick (2018), the small-scale nature of this qualitative research made triangulation essential for bolstering the validity and reliability of the findings.

RESULTS AND DISCUSSION

The research findings revealed that learners found all the online tools helpful for improving their pronunciation and stress accuracy. They also perceived these tools as easy to use. However, some students showed a preference for certain tools, such as YouTube videos, over online dictionaries

when checking for correct pronunciation and stress. One of the research subjects (R2) mentioned the following:

“I prefer using ‘YouTube’ videos to check on my pronunciation as this app provides a playback speed option where we can slow the word and the pronunciation...and this helps me to get a better pronunciation of any word”.

Another finding, however, revealed that most of the research subjects preferred online dictionaries, such as Oxford Online Dictionaries and Cambridge Online Dictionaries, over other options. One participant (R4) specifically noted that:

“Cambridge Online Dictionary provides clear and accurate pronunciation and stress patterns. Thus, it is easy for me to pronounce the words correctly”.

The results also showed a substantial improvement in the accuracy of learners' word pronunciation and stress patterns. By analysing the monologue videos and scripts, the number of errors was counted both before and after the intervention, which involved the use of online tools, scaffolding, and feedback provided by the instructor. Overall, the number of errors was significantly reduced after the intervention, with research subjects achieving an average improvement of 76.85% in pronunciation and stress accuracy. Additionally, they saw at least a 12% increase in their test scores, attributed to the decrease in pronunciation errors following the intervention.

An interesting finding from the study is that all participants agreed online tools and AI offer valuable support, but they cannot replace teachers. Teachers are essential to model correct pronunciation and language use, as they possess a deep understanding of their students' backgrounds, problems, and levels of proficiency. Consequently, the feedback and scaffolding provided by teachers were highly valued, making feedback sessions more personalized and meaningful. Students felt more comfortable asking questions and seeking clarifications, which contributed to their improvement.

Participant R7 expressed her concerns and thoughts regarding this as below:

“Yes, I used several tools to help me improve my pronunciation and other skills, but I still need my teacher to help correct my mistakes. I can ask questions if I don’t understand something. I don’t trust AI and other tools as they are machines, not humans. They do not know me, my problems, my weaknesses...they do not have feelings! Even with the advancement of technology, I need my teacher to give his/her feedback on how I can further improve my work...my performance.”.

While AI tools can offer immediate feedback and assist with various educational tasks, they inherently lack the personal touch and empathy that human instructors provide. AI lacks the ability to understand nuanced student emotions, respond to individual learning needs with sensitivity, and build meaningful relationships that foster trust and motivation. Consequently, these tools cannot fully

replace the role of teachers in the educational process. To achieve the best outcomes, the integration of technology in education should focus on complementing and enhancing the human elements that are fundamental to effective teaching and learning. This means leveraging AI and other technological tools to support and amplify the teacher's role, rather than substituting it. Teachers bring unique qualities to the classroom, such as personalized feedback, emotional support, and an understanding of cultural and contextual nuances, which are essential for addressing diverse student needs. Thus, a balanced approach that harmonizes technology with human interaction can create a more enriching and effective learning environment, ultimately leading to improved educational experiences and outcomes for students.

CONCLUSION

In today's digital educational landscape, incorporating humanistic elements such as effective communication, empathy, and ethical considerations remains crucial. The study underscores that while technology plays a significant role, its true value lies in how it is purposefully integrated to enhance teaching methods and meet specific educational objectives. Although the limited number of research subjects means that the results are not generalizable, they suggest that online tools can effectively improve learners' pronunciation skills. This enhancement in pronunciation accuracy not only reduces misunderstandings but also fosters more effective communication. To build on these findings, further research is needed to explore how various online tools can be optimally combined with humanistic teaching approaches to maximize educational benefits.

REFERENCES

- E Madhavi, Lavanya Sivapurapu, Vijayakumar Koppula, P. B. Esther Rani, & Vemuganti Sreehari. 2023. Developing Learners' English-Speaking Skills using ICT and AI Tools. *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, 32(2), 142–153.
- Flick, U. 2018. Triangulation in data collection. In *An introduction to qualitative research* (6th ed., pp. 315-331). SAGE Publications.
- Gao, Y., & Zheng, X. 2023. Gamification and Online Tools for Pronunciation Practice: Effects on EFL Learners' Pronunciation Accuracy. *Language Learning & Technology*, 27(2), 78-95.
- Jou, M., & Chao, H. 2022. Using Virtual Reality and AI Tools to Enhance English Pronunciation and Fluency. *Language Education in Asia*, 13(1), 85-102.
- Lee, H., & Lee, J. 2020. The Effectiveness of Online Pronunciation Tools in Developing English Pronunciation Skills. *Educational Technology & Society*, 23(4), 25-38.
- Lipnevich, A. A., Panadero, E. 2021. A Review of Feedback Models and Theories: Descriptions, Definitions, and Conclusions. *Frontiers in Education*. Vol. 6.
<https://www.frontiersin.org/journals/education/articles/10.3389/feduc.2021.720195>

Miller, L., & McLoughlin, C. 2023. Integrating Speech Recognition Technology to Improve English Pronunciation: A Case Study. *Language Learning & Technology*, 27(1), 45-60.

Tsou, W. (2021). The Impact of Technology-Assisted Language Learning on English Pronunciation Improvement. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 17(1), 389-405.

PENGGUNAAN BAHASA DI INDUSTRI

LANGUAGE USE IN INDUSTRY

Penguasaan Istilah Sains dan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Suatu Tinjauan

[1] *Amirulhakim Jalil, [2] Nur Fatehah Jeffri,
[3] Mohd Fauzan Mat Jam Jam

[1][2] [3] Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

*amirulhakim@iium.edu.my, fatehajeffri@iium.edu.my, mohdfauzan@iium.edu.my

ABSTRAK

Penguasaan istilah sains dan teknologi bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa dipengaruhi oleh proses keintelektualan yang diperolehi melalui kaedah pembelajaran sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tahap penguasaan dalam proses ini bukan hanya memperkaya perbendaharaan kata dalam kalangan mahasiswa malah turut membantu perkembangan peristilahan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, penguasaan ini juga dipengaruhi oleh pengetahuan tentang kepentingan peristilahan sains dan teknologi dalam bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, kajian ini meneroka penguasaan dan kepentingan istilah sains dan teknologi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan mahasiswa aliran sains dan teknologi di universiti. Penguasaan istilah yang tepat dan berkesan dalam bidang sains dan teknologi adalah penting bagi membina konsep peristilahan yang jelas dan meluas dalam kalangan mahasiswa. Penyelidikan ini menggunakan borang soal selidik kepada sekumpulan mahasiswa bidang sains dan teknologi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) untuk menilai tahap penguasaan istilah sains dan teknologi mereka sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa mahasiswa mampu menyenarai beberapa istilah sains dan teknologi secara asas dan umum sebelum proses pembentukan konsep terminologi yang lebih terperinci berlaku.

Kata Kunci: *Istilah; Pengajaran bahasa; Bahasa Melayu.*

PENGENALAN

Penyerapan dan penguasaan istilah sains dan teknologi dalam kalangan mahasiswa universiti kini semakin menunjukkan perubahan yang baik dan diterapkan melalui pengajaran bahasa Melayu dalam kursus pembelajaran mereka. Mahasiswa kebanyakannya sudah terbiasa dengan penggunaan istilah-istilah bidang ini dalam bahasa yang lebih mendapat perhatian industri luar dan syarikat besar setelah mendapat pekerjaan kelak. Melalui pembelajaran bahasa Melayu kerjaya dalam bidang sains dan teknologi ini sedikit sebanyak dapat membuka mata dan minda mahasiswa bahawa terdapat istilah sains dan teknologi yang boleh digunakan dalam bahasa Melayu. Kepentingan penguasaan istilah

sains dan teknologi bagi mahasiswa amat penting supaya istilah-istilah ini dapat digunakan sebaiknya sewaktu penyediaan kertas kerja projek, laporan projek, tugas individu dan kumpulan bagi projek yang sedang atau akan dijalankan.

Penawaran kursus bahasa Melayu di universiti awam menunjukkan bahawa wujud keperluan untuk mendalami bahasa kebangsaan dan peluang pekerjaan yang luas dalam bidang ini (Abd Ganing Laengkang, et al, 2023). Di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia khususnya telah menawarkan kursus bahasa Melayu Kerjaya (Sains dan Teknologi) oleh Divisyen Bahasa Melayu, Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Prauniversiti (CELPAD) kepada mahasiswa tempatan. Mahasiswa akan mempelajari berkaitan penyediaan dokumen-dokumen rasmi dan menerapkan penggunaan istilah sains dan teknologi dalam dokumen-dokumen tersebut. Kemahiran yang diaplikasikan di dalam kelas ini membantu mahasiswa untuk menyediakan dokumen rasmi, menghasilkan teks dan pengucapan awam sewajarnya serta menterjemahkan teks dalam laras bahasa sains dan teknologi yang sesuai.

METODOLOGI

Kaedah untuk mendapatkan data kajian ini adalah melalui kajian lapangan. Teknik soal selidik telah dijalankan ke atas 40 orang responden dalam kalangan mahasiswa tempatan. Responden telah menjawab borang soal selidik yang diberikan sewaktu sesi permulaan kursus berlangsung dengan menyenaraikan tiga hingga lima istilah sains dan teknologi mengikut tahap pengetahuan sedia ada mereka. Responden yang dipilih merupakan pelajar bagi Kursus Bahasa Melayu Kerjaya (Sains dan Teknologi) daripada jurusan sains komputer dan teknologi maklumat dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Berdasarkan dapatan tersebut, istilah-istilah tersebut dapat dikategorikan kepada 3 domain utama dan diperincikan dalam bahagian dapatan kajian

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan ke atas mahasiswa tempatan (warganegara Malaysia) daripada jurusan sains komputer dan teknologi maklumat yang mengambil kursus Bahasa Melayu Kerjaya di UIAM. Kajian ini berfokus kepada dapatan data daripada borang soal selidik untuk melihat penguasaan istilah sains dan teknologi dalam kalangan mahasiswa daripada bidang sains komputer dan teknologi maklumat. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat beberapa kategori istilah yang telah disenaraikan oleh mahasiswa. Istilah-istilah tersebut dapat dikategorikan kepada 3 domain utama iaitu istilah bidang umum, istilah bidang sains komputer dan istilah bidang teknologi maklumat dan diperincikan seperti berikut:

Istilah Umum	Istilah Khusus Bidang Sains Komputer	Istilah Khusus Bidang Teknologi Maklumat
antara muka bilik pelayan cakera keras cakera padat dalam talian elektrik elektron elektronik inovasi jalur lebar jam tangan pintar kad grafik kemas kini komputer komputer riba konduktor litar pad kekunci papan induk papan kekunci paparan pemacu pemacu kilat pemacu kilat USB peranti peranti mudah alih pereka grafik swafoto telefon pintar telekomunikasi tetikus unit pemprosesan	algoritma bahasa pertanyaan berstruktur gelombang gama kamiran kebarangkalian kecerdasan buatan ketumpatan koordinatan nanoteknologi nyah kelajuan pembelajaran mesin pemrograman pengaturcaraan pengkodan pepijat ralat robot statistik struktur data	analisis dan pereka sistem aplikasi aplikasi telefon pintar data aplikasi dinding api e-niaga interaksi komputer dan manusia internet jaringan komunikasi jurutera perisian komunikasi sekuriti kuda trojan laman sesawang layaran komputer media massa media sosial paparan media pangkalan data pembangunan laman sesawang mempengaruhi media sosial pengkomputeran awan pengurusan keselamatan maklumat pengurusan risiko teknologi maklumat pengkodan pereka grafik perisian perisian komputer reka grafik rangkaian internet sekuriti internet sekuriti siber sistem maklumat serangan siber teknologi maklumat teknologi perisian teknologi web tembok api undang-undang siber

Jadual 1: Senarai Istilah Sains dan Teknologi Berdasarkan Borang Soal Selidik

Setelah diteliti, istilah-istilah ini dinyatakan oleh pelajar berdasarkan pengetahuan sedia sepanjang proses pembelajaran di peringkat sekolah menengah dan rendah. Proses pembelajaran menggunakan silibus baharu Kurikulum Standard Sekolah Menengah dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah yang mendedahkan mahasiswa kepada istilah-istilah baharu yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Selain itu, penguasaan istilah-istilah yang telah dinyatakan turut disokong oleh proses pembelajaran dan pendedahan secara sendiri melalui beberapa aspek seperti pendedahan melalui media elektronik aliran utama dan media sosial. Hebahan penggunaan istilah-istilah baharu dalam berita dan juga penghantaran serta ciapan dalam akaun media sosial Dewan Bahasa dan Pustaka

berkesan dalam menyebarkan pendedahan kepada istilah-istilah baharu berkaitan sains dan teknologi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penguasaan istilah sains dan teknologi dalam kalangan mahasiswa berada dalam tahap yang baik. Sesi pengajaran dan pembelajaran secara formal di universiti dilihat mampu meningkatkan kemahiran kebahasaan para mahasiswa. Latar belakang sesuatu bidang amat mempengaruhi penguasaan istilah dalam kalangan pelajar. Berdasarkan penelitian awal ini, dapatlah disimpulkan bahawa mahasiswa dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat menguasai istilah-istilah khusus dalam bahasa Melayu. Sesungguhnya, penelitian ini merupakan kajian rintis dan masih mentah. Oleh yang demikian, kajian yang lebih rinci boleh dilakukan pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada pihak CITRA, UKM kerana sudi menerima abstrak lanjutan ini untuk dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa 2024. Tidak lupa penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak CELPAD kerana memberi sokongan dan peluang untuk berkongsi ilmu dalam wacana ilmiah ini.

RUJUKAN

- Abd Ganing Laengkang, Akhmad Mansur, Nurul Haniza Samsudin, Nur Azimah Mohd Bukhari. (2023). Naratif Baharu Pengajian Bahasa Melayu: Satu Tinjauan. E-Prosiding Seminar Bahasa, Sastera dan Kebudayaan Melayu 2023 (Disember), 9-20.
- Hasnah Mohamad (2013). Penyelarasan Istilah Sains dan Teknologi Berpandukan Peruasan Kata dan Takrif. Dlm. *Rampak Serantau* Bil 20 (hlm. 65-98, 2013). Jakarta: Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa Kementerian Kebudayaan.
- Maslin Masrom, Wan Normeza Wan Zakaria (2018). Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Gunakan Secara Sihat dan Selamat. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Rosdiadee Nordin, Hasbullah Mazlan (2022). Teknologi Tanpa Wayar. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

LINGUISTIK TERAPAN

APPLIED LINGUISTICS

Unveiling Advanced ESL Students' Language Usage in A Pitching Presentation

Chairozila Mohd Shamsuddin

Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia

chairozila@ukm.edu.my

ABSTRACT

Language use among ESL undergraduate students contain a vast treasure of linguistic discourse which unveil the nuances of meaning that are assumed to reflect on their actions as ESL learners. These meanings contain insights into students' ability to communicate their learned contents within their field of interest which are in return, reflected in their spoken presentation. The aim of this study is to explore advanced students' language use in a pitching presentation from a professional communication course. There are currently limited studies in language use in professional communication involving advanced ESL students, and analysis into their meanings have also not been researched. Due to the dearth of this study, this research aims to provide insights into uncovering the rhetoric and vocabularies used by these students through investigating their speech acts. Descriptive qualitative is applied as the method of research while multimodal analysis is used to unveil definitive speech acts. Videos from 10 students are randomly chosen from the professional communication course. The data is collected from their Idea Pitching presentation. The findings of this study provide insights on how MUET band 4 level students use these speech acts in a pitching presentation. The results found that the students utilise perlocutionary speech acts that are *assertive* and *declarative* in their pitching presentation and less *directive* and *expressive* acts. Discussions of the findings explores the purposes for students to use these speech acts and the way that they use these speech acts exemplifies their choices for expressions.

Keywords: *Multimodal; Speech acts; Advanced ESL; Pitching presentation; Professional*

INTRODUCTION

Students' spoken abilities upon performing tasks in the ESL classroom are most investigated for how and why the words are used. Researching on students' pitching presentations through analysing speech acts are one of the ways to understand expressions that demonstrate degree and meanings of utterances. Information gained is to understand the way the speech act is realised and the effect that it has on their presentation. Studies in speech act theory (Searle, 1976) has previously been used to investigate some interesting findings that did not include classroom investigations. These studies include findings on emoticons in communication (Azianura, 2020), memes on social media (Grundlingh, 2018, and in a political speech (Hadirah & Fuzirah, 2022).

This study aims to explore advanced students' language use in a pitching presentation from an English professional communication course. There are currently limited studies in language use in professional communication involving advanced ESL students, and analysis into their meanings have also not been researched. Due to the dearth of this study, this research aims to provide insights into uncovering the rhetoric and vocabularies used by these students through investigating their speech acts.

The purpose of this study is twofold. Firstly, speech acts among students are mostly predictable or even misunderstood among the teachers. Therefore, investigating the choices of words students use in a pitching presentation can allow teachers to understand their strength and weaknesses. Pressing issues such as students' inability to pitch their topics effectively, students reading their text in verbatim when presenting, and students copying texts from online are one of the reasons that speech act theory is used in this study. This theory can help to exemplify how students perform in a pitching presentation and that the pitch is created for the purpose of fulfilling these illocutionary speech acts (Grundlingh, 2018). Secondly, since speech acts are context sensitive (Searle, 1976; Nordquist 2019), and for a speech act such as pitching, to take place online, the perceptions of this context could influence the choice of strategies that they use. This study aims to investigate the commonly used speech act used by the students. As for the contents of the pitching presentation, students may have chosen their text from an online source. This research accepts that the texts chosen are based on their own selection and creativity, therefore the rhetoric used for their pitching is taken as data. Some speech acts that students display that are at times, taken as routine expressions and commonly formulaic (Nordquist, 2019; 2024) which indicates that these texts can be improved and taught to students.

METHODOLOGY

This study takes into account the illocutionary act that considers the purpose of utterance that the students are given. Descriptive qualitative is applied as the method of research while multimodal analysis is used to unveil definitive speech acts. Videos from 10 students are randomly chosen, while three videos are demonstrated in this paper for this purpose. The procedure for collecting the video begins with ensuring the procedure for the task. Students were instructed to work in groups and choose a current issue that they would like to address. Then, individually, students are required to study the issue and pitch on the importance of addressing the issue. They each address the issue from different perspectives/aspects and suggest a solution for the chosen issue. From this, they were told to:

- Convey and elaborate their ideas with supporting references using appropriate language for the general audience or the non-expert (using layman terms).
- Pitch their ideas for 3 minutes, in front of group members (as audience).

Students are assessed based on their ability to convincingly deliver ideas, and capture and maintain the audience's attention. In order to achieve this, students have been given pitching samples, and the rubric for the evaluation. To achieve the research objective, students' pitching videos were randomly chosen as data from a professional communication course that was conducted over a 14-week period.

Students' pitching monologue were then analysed based on Searle's (1976) five categorisations (*assertive, commissive, directive, declaratory and expressive*) of perlocutionary acts. Whereas the value of the linguistic statements is analysed using Multimodality through different modalities and mood (Scollon & Scollon, 2011). The findings demonstrated that participants used speech acts such as declarations, while modality of expressions such as describing, and obligations are used.

RESULTS AND DISCUSSION

Analysis Of Students' Speech Acts in Pitching Presentation

The findings below found that there are a variety of ways that students use to complete pitching presentations. The aim of this analysis is to uncover ways that students use these speech acts that would exemplify their linguistic choices. The preliminary results found that the students utilise illocutionary speech acts that are *assertive* and *declarative* in their pitching presentation and less *directive* and *expressive* acts. Only a small number of students were able to be more *directive* and *expressive* in their speech, which is more preferred for the students to convincingly deliver ideas, and capture and maintain the audience's attention. This requirement was stated earlier to students to be able to pitch ideas at a more advanced level in a professional communication course.

These samples of illocutionary acts are found in their video captions that they have sent to their lecturers. The first sample is an *assertive* point in their pitching video. The *assertive* points in speeches are commonly found when the students tend to talk about how things are according to the topics they have chosen. These speech acts are mostly found in the pitching presentations, whereby these speeches are presented as factual instead yet separated from their beliefs and expressions about the chosen issue. Samples are as follows:

Student A: "*I want to address a crucial issue today, animal abuse. Animal abuse experienced pervasive issues that demand our attention...*"

Student B: "*Social media platforms provide groomers with unprecedented access to children, enabling them to manipulate emotions and build false trust through seemingly harmless interactions*"

Student C: "*Animal abuse is a serious issue that has been a cure in our society for decades...*"

Another analysis on the samples of *expressive* points as illocutionary acts is discussed. These are texts that are used in students' pitching presentations. The *expressive* points are used to express their attitudes towards the topics that they have chosen.

Student A:

1. "*It is a problem we cannot ignore and I believe that we have the power to make a difference...*"
2. "*Psychological factor cannot be overlooked either...*"
3. "*Lastly, let's talk about loss and the consequences of hurting Animals are not serious. People would not stop...*"

The following are samples of *directive* points as illocutionary acts that are used in students' pitching presentations. The *directive* points are used to try to get their audience to do something or to take action towards the topics that they have chosen.

Student A:

1. *"And we need to educate them on how to properly care for animals..."*
2. *"We need to challenge these norms and ensure that kindness to animal is important..."*
3. *"We need to support businesses that are treat animal with care and respect..."*
4. *"We should advocate for a stricter regulation to protect animals from this mystery..."*
5. *"We need to promote empathy and compassion towards animals..."*

The preliminary findings prove that students find it within their ability to be assertive when giving a pitching presentation. Being assertive and declarative is manageable for these ESL advanced level students, however, using directive and expressive proves to be challenging to most students. In a professional communication course, samples are provided for students in class and on online platforms. However, directive and expressive points could be unfamiliar for students to use in their speech. These illocutionary speech acts are important for students to utilise in their final year of study, where they would need to voice out their opinions professionally in English. The importance of demonstrating a professional speaking method has been highlighted as a crucial skill in previous studies (Sonnenschein & Ferguson, 2020). Graduates are required to develop this skill and meet their future workplace requirements through enhancing their communicative ability.

Multimodal Analysis of Linguistic Values

The next analysis uncovers the value of the linguistic statements as analysed using Multimodality through different modalities and mood. The analysis demonstrated that participants used speech acts such as declarations. Language is a complex system of modality (Scollon & Scollon, 2011). The pitching presentations indicated that out of the different stances that an ESL student can achieve when speaking, these students accomplished this through a familiar gesture among ESL students, which is independent from the speech. The crux of Multimodality is on meaning-making; therefore, it needs to be achieved through identifying the meaning of the gesture. However, these declarations that students make seem to be disjointed from the purpose of the speech. This renders this study to understand the purpose for this lack of non-verbal gesture.

CONCLUSION

Language usage in an ESL classroom could have a multitude or variations of speech acts that develop due to students' prior habits and knowledge. This enables them to interpret utterances for them to complete the evaluation task. Austin (1975) purports that utterances can be used to perform an act. This explains that when a sentence is uttered, an individual is not just saying things to fulfil the task, but also doing something in relation to the speech. Through the analysis and discussion of this study both speech act theory and multimodality give support to the rhetoric that students use when speaking in a pitching presentation.

ACKNOWLEDGEMENTS

This study was made possible from research grant provided by Pusat Pengajian Citra Universiti (PPCU), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), research code: CITRA-2021-003.

REFERENCES

- Austin, J. L. (1975). *How to Do Things with Words*. Oxford: Oxford University Press.
- Azianura, H.S. (2020). Accentuating Illocutionary Forces: Emoticons as Speech Act Realization Strategies in a Multicultural Online Communication Environment. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies*. Vol 26(1): 135 – 155
- Chairozila, M.S. et. al. (2023). #healing as a Form of Expression among Malaysian TikTokers: Fostering Connections. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies*. Vol 29(4): 99 – 117
- Grundlingh, L. (2018). Memes as speech acts. *Social Semiotics*. Vol. 28, (2): 147–168
- Hadirah, A. H. & Fuzirah, H. 2022. Promoting Political Engagement among Youth: Analysis of Speech Act Patterns in Syed Saddiq’s Speech. *3L: Language, Linguistics, Literature® The Southeast Asian Journal of English Language Studies*. Vol 28(3): 296 – 308
- McDonald, L. (2022). Reimagining Illocutionary Force. *The Philosophical Quarterly*. Vol.72(4):918– 939
- Scollon, R. & Scollon, S. W. (2011). *Multimodality and Language: A Retrospective and Prospective View*. The Routledge Handbook of Multimodal Analysis. Jewitt, C. (ed). 170 – 180
- Searle, J. R. (1976). A classification of illocutionary acts. *Language in Society*. Vol 5(1), 1 – 23.
- Searle, J. R. (1968). Austin on Locutionary and Illocutionary Acts. *The Philosophical Review*. Vol 77(4), 405-424.
- Searle, J. R., & Searle, J. R. (1969). *Speech acts: An Essay in the Philosophy of Language*. Vol. 626. Cambridge: Cambridge university press.
- Sonnenschein, K. & Ferguson, J. (2020). Developing professional communication skills: Perceptions and reflections of domestic and international graduates. *Journal of University Teaching and Learning Practice*. Vol. 17 (3), 1 – 17.

PENGAJARAN SASTERA

TEACHING OF LITERATURE

Prinsip Kesopanan dalam Antologi Puisi Bertema

[1]*Noorhazila Mohd Hamid, [2] Azlan Ahmad

[1][2] Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia

*hazilahamid@ukm.edu.my, az_ahmad@ukm.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan aspek kesopanan berbahasa dalam *Antologi Puisi Bertema: Universiti Watan Tercinta*, iaitu puisi hasil nukilan pelajar yang mengikuti Kursus Gema Semarak Puisi. Kajian ditumpukan kepada penggunaan dan pemilihan diksi dalam penulisan puisi pelajar. Penulisan puisi sangat berkait rapat dengan penggunaan kata yang tepat dan berkesan untuk mengungkapkan idea atau buah fikiran secara lisan mahupun tulisan dan pada masa yang sama aspek kesopanan berbahasa tidak dikesampingkan. Kesantunan berbahasa ditakrifkan sebagai penggunaan kata sehari-hari yang tidak menimbulkan konflik dan sentiasa menjaga air muka pendengar atau pembaca. Prinsip Kesopanan Leech (1983) telah diterapkan oleh pengkaji untuk menganalisis data kajian yang diperolehi. Pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan teks dan pendekatan kualitatif untuk menganalisis bait-bait puisi yang dihasilkan. Kajian ini melibatkan 63 karya puisi bertemakan *Universiti Watan Tercinta* yang telah diangkat dan digarap dari sudut pandang pengkarya terhadap kampus yang menjadi sandaran harapan dalam membina kehidupan yang lebih baik pada masa akan datang. Hasil kajian menunjukkan bahawa keenam-enam maksim dalam Prinsip Kesopanan Leech terkandung dalam antologi puisi tersebut. Prinsip kesopanan ini didapati dapat membantu dalam pengesanan strategi kesantunan berbahasa dalam kalangan mahasiswa mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penerapan aspek sopan-santun, berbudi bahasa dan berpekeriti mulia harus sentiasa dititikberatkan kepada generasi hari ini dan seterusnya agar air muka dan maruah individu sentiasa menjadi keutamaan dan terpelihara.

Kata Kunci: *Prinsip Kesopanan; Puisi Bertema; Maksim; Antologi*

PENGENALAN

Aspek kesopanan berbahasa bukan sahaja signifikan dalam penggunaan bahasa yang bersifat lisan semata-mata malahan memainkan peranan yang penting dalam penggunaan bahasa yang bersifat tulisan. Sesebuah teks harus memaparkan penggunaan bahasa yang sopan agar menjadi wadah yang berkesan dalam mentarbiah generasi muda (Sara & Indirawati, 2015). Asmah (2000) mentakrifkan kesantunan mengikut perpektif Melayu ialah penggunaan bahasa sehari-hari yang tidak menimbulkan kegusaran, kemarahan dan rasa tersinggung daripada pendengar. Bahasa yang halus dan tersirat sering digunakan dalam pelbagai bentuk percakapan seperti memberi teguran, memaklumkan sesuatu

dan menyatakan hasrat supaya tidak mengguris hati dan perasaan orang lain. Penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi yang mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicara. Menurut Teo Kok Seong (2003), kesantunan berbahasa banyak bergantung kepada pemboleh ubah sosial dan sosiobudaya seperti usia, jantina, budaya yang terlibat, kelas sosial dan pekerjaan serta peranan dan status pihak yang mendengar atau diajak bercakap. Secara umumnya, kesantunan dan kesopanan berbahasa merujuk kepada bentuk bahasa seperti kata, frasa atau rangkai kata serta ayat dan penggunaan bahasa seperti bercakap secara berkias, berlapik atau bercakap secara tidak berterus terang.

METODOLOGI

Prinsip Kesopanan Leech (1983) telah diterapkan oleh pengkaji untuk menganalisis data kajian yang diperolehi. Pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan teks dan pendekatan kualitatif untuk menganalisis bait-bait puisi yang dihasilkan. Kajian ini melibatkan 63 karya puisi bertemakan *Universiti Watan Tercinta* yang telah diangkat dan digarap dari sudut pandang pengkarya terhadap kampus yang menjadi sandaran harapan dalam membina kehidupan yang lebih baik pada masa akan datang. Prinsip Kesopanan Leech terdiri daripada enam maksim, iaitu maksim santun, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan, maksim simpati, maksim sokongan dan maksim budiman. Maksim santun merupakan kaedah untuk memaksimumkan manfaat kepada orang lain dan meminimumkan manfaat kepada diri sendiri serta salah satu alat untuk memberi pujian kepada pendengar. Maksim kerendahan hati merupakan strategi untuk meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dengan cara memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri. Maksim persetujuan pula bertujuan meminimumkan kerugian kepada pendengar sebaliknya memaksimumkan kerugian kepada diri sendiri dengan cara memperlihatkan kecenderungan untuk mengutamakan persetujuan terhadap pendengar. Selain itu, maksim simpati ialah percubaan memaksimumkan simpati dan meminimumkan kebencian antara diri sendiri dengan orang lain. Maksim sokongan pula merujuk kepada maksim yang memaksimumkan pujian dan meminimumkan cacian terhadap orang lain. Maksim yang terakhir, iaitu maksim budiman merupakan strategi untuk memaksimumkan kos bagi diri sendiri dan meminimumkan keuntungan atau manfaat terhadap diri sendiri.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Data yang dianalisis meliputi maksim daripada Prinsip Kesopanan Leech (1983) yang terdapat dalam *Antologi Puisi Bertema: Universiti Watan Tercinta*, iaitu puisi hasil nukilan pelajar yang mengikuti Kursus Gema Semarak Puisi. Data kajian dipersembahkan melalui bait-bait puisi hasil nukilan pelajar berserta penerangannya berdasarkan maksim. Prinsip Kesopanan yang terdapat dalam antologi di atas meliputi keenam-enam maksim meliputi maksim santun, maksim budiman, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati. Analisis kajian mendapati bahawa maksim kerendahan hati yang paling banyak diterapkan dalam bait-bait puisi yang dinukilkan. Berikut merupakan contoh dapatan data yang dipilih dan dihuraikan mengikut setiap maksim.

Maksim Kerendahan Hati

Maksim kerendahan hati merupakan maksim yang mengurangkan pujian dan meningkatkan cacian terhadap diri sendiri. Maksim ini memperlihatkan bahawa penutur akan merendahkan dirinya sehingga pendengar berasakan penutur mencaci dirinya dan ini merupakan larangan sosial yang dapat dimaksudkan sebagai bercakap besar (Ayuni & Rohaidah, 2019). Maksim ini diperlihatkan melalui tutur kata yang disampaikan, iaitu kata-kata yang merendah diri. Hal ini adalah untuk mengingatkan diri bahawa pujian yang dinyatakan hanyalah tanda penghargaannya supaya pendengar berusaha lebih gigih untuk mencapai cita-citanya. Dalam masyarakat Melayu umpamanya, maksim ini digunakan untuk menimbulkan perbualan yang harmonis dengan masing-masing tidak memperlihatkan kelebihan masing-masing sebaliknya akan menyatakan kekurangan diri sendiri. Dalam jadual 1 di bawah, ungkapan “*Yang tercicir di jalanan*”, “*Insan yang hina*”, “*Penuh cela diriku*” dan “*Aku juga bukan siapa-siapa*” merupakan contoh garapan yang memperlihatkan kekurangan dan kelemahan pengkarya.

Jadual 1: Bait-bait Puisi untuk Maksim Kerendahan Hati

Bait-bait Puisi	Tajuk Puisi
<i>Jauh aku berkelana Dengan sebuah harapan pudar Yang tertarik di sudut desa Tanpa sekelumit harap Yang tercicir di jalanan</i>	Gerbang Rezeki Hidup
<i>Insan yang hina Penuh cela diriku Ilmu di dada Seperti kodok di bawah tempurung</i>	Menuju Puncak Insaniah
<i>Aku juga bukan siapa-siapa Cuma insan biasa yang mencinta Mencintai seluruh pelosok watan ini Buana watan ini, wadah ilmuku Tanah tumpah keringatku</i>	Buana Ilmu Itu

Maksim Budiman

Maksim budiman atau dikenali juga dengan maksim kedermawanan ialah maksim yang mengurangkan manfaat atau keuntungan terhadap diri sendiri dan cuba untuk memaksimumkan kos atau kerugian bagi diri sendiri. Hal ini dapat dilihat melalui pernyataan seseorang yang memberikan tawaran atau mengungkapkan kata-kata yang sopan seperti menawarkan bantuan, pertolongan dan kasih sayang. Bait-bait puisi “*Untuk membahagiakan orang tuaku dan universitiku*”, “*Doakanku sentiasa menuju kejayaan*” dan “*Memanfaatkan bangsa, agama dan negara*” memperlihatkan harapan, bantuan dan kasih sayang daripada insan di sekelilingnya.

Jadual 2: Bait-bait Puisi untuk Maksim Budiman

Bait-bait Puisi	Tajuk Puisi
<p><i>Menara watan Tempatku menuntut ilmu Menerangkan pelita yang hampir malap Demi segulung ijazah Untuk membahagiakan orang tuaku dan universitiku</i></p>	Anak Perantau di Menara Watan
<p><i>Lihatlah ayah Kini aku sudah bergelar mahasiswi Di Universiti Watan tercinta Doakanku sentiasa menuju kejayaan</i></p>	Perjalanan ke Puncak Ilmu
<p><i>Dalam mendaki sinar kejayaan Titian ilmu digarap bagaikan tangga Dibina tanpa culas demi keberkatan Dibina teguh agar manfaatnya lama Memanfaatkan bangsa, agama dan negara</i></p>	Titian Anak Watan

KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa maksim kesopanan Leech yang paling dominan dalam *Antologi Puisi Bertema: Universiti Watan Tercinta* ialah maksim kerendahan hati dan diikuti oleh maksim budiman. Maksim simpati pula merupakan maksim terendah dalam penelitian ini. Rangkap puisi yang dinukilkan dalam antologi ini merangkumi keseluruhan maksim kesopanan Leech. Prinsip Kesopanan Leech (1983) yang mengemukakan enam maksim (maksim santun, maksim budiman, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati) dalam membentuk tingkah laku beradab sememangnya dapat membantu penutur untuk mempraktikkan strategi kesantunan berbahasa dalam sesuatu perbualan. Prinsip kesopanan ini didapati dapat membantu dalam pengesanan strategi kesantunan berbahasa dalam kalangan mahasiswa mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penerapan aspek sopan-santun, berbudi bahasa dan berpekerti mulia harus sentiasa dititikberatkan kepada generasi hari ini dan seterusnya agar air muka dan maruah individu sentiasa menjadi keutamaan dan terpelihara.

PENGHARGAAN

Ribuan terima kasih kepada semua pelajar kursus LMCR3262 Gema Semarak Puisi yang telah menyumbangkan karya mereka dalam *Antologi Puisi Bertema:Universiti Watan Tercinta* dan juga ucapan terima kasih kepada rakan pengkaji yang turut sama dalam menyediakan kajian ini.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. 2000. *Wacana, Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayuni Mohamad Bakari & Rohaidah Kamaruddin. 2019. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(1): 15-26.
- Leech Geoffrey, 1983. *The Principles of Pragmatics*. New York: Longman.
- Teo Kok Seong. 2003. Kesantunan Berbahasa Kes Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, Mac, 14-23.

The Teaching of Literature in Using Cognitive Poetics: Its Practicality, Strengths and Challenges

[1]*Suhaila Abdullah, [2] Faizah Idrus, [3] Ismail Sheikh Ahmad

[1][2][3] International Islamic University Malaysia

*suhailaa@iium.edu.my, ifaizah@iium.edu.my, drismail@iium.edu.my

ABSTRACT

This paper explores the use of a theory known as cognitive poetics as an approach to teach literature to students in private secondary schools, Malaysia. Cognitive poetics stands as an inter-disciplinary field that revolves around the science of reading literature by using psychology and cognition (Stockwell, 2020). It supports a natural process of reading that creates an interaction between the reader and the literary text. In this qualitative study, the authors opt to use three key concepts of cognitive poetics, namely figures and grounds, prototypes and reading as well as discourse worlds and mental spaces. The rationale of this study is to explore the strengths and challenges in using the key concepts contained in cognitive poetics and whether this theory is practical to be applied in the teaching of literature. This study sought to find answers whether educators could or could not adopt cognitive poetics in teaching literature and whether this approach could garner students' interest in reading and studying literature. Two phases of semi-structured interviews and class observations were conducted, involving three teachers who taught English Literature in three private schools. The findings show that cognitive poetics could assist the students to fathom the psychology of the authors and characters in literary works. This research hopes to introduce a relatively new theoretical approach to the teaching of literature in secondary schools in Malaysia.

Keywords: *Cognitive poetics; Reading literature; Secondary schools; Teachers; Teaching of literature*

INTRODUCTION

English Literature, as a subject, has become a component in teaching English Language in secondary schools in Malaysia since it was introduced in the secondary education curriculum in 2000. However, the efforts in instilling interest in English Literature by the government could be traced back to 1976 when the government reached out to nineteen government schools to introduce the English Language Reading Programme (ELRP). This effort garnered much success with the participation of more than 200 schools by 1983 and six years later, the success doubled with the introduction of the Class Reader

Programme (CAP) which signified the addition of English Literature in the language classes of secondary schools (Talif, 1991).

During two decades, the enthusiasm in the teaching of literature turned stagnant for a period of time until the government instigated efforts to revive the interest to teach and learn this subject by re-introducing it as an elective in 2000 (Subramaniam, 2007; Suliman & Yunus, 2014). Other further development in education brought forth by the implementation of English as a second language also influenced the insertion of English literature component in the language syllabus in 2000. In August 2012, the review of the national education system supported the reintroduction of English Literature as a subject, instead of merely being accepted as a component in national secondary schools. Six years later, the Ministry of Education, Malaysia introduced a new curriculum for English Literature for secondary schools in 2018 and the new curriculum designed for upper-level secondary school level would be fully implemented in 2020. In the new curriculum commencing in 2020, English Literature subject in secondary schools would become an elective course (Chin & Chua, 2019).

Teachers who taught and are teaching this component have employed several approaches in delivering the English Literature curriculum to students in secondary schools. The existing problem is that thinking skills are not much encouraged in classrooms when the activities of the teaching and learning of literature are concerned (Sidhu & Chan, 2010). Past research highlighted that student were regularly spoon-fed with information in order to answer exam papers and there was not much space for creative thinking and analysis of the literary texts (Mustakim, Mustapha & Lebar, 2012). Thus, by exploring cognitive poetics as a way of teaching literature, the writers would like to find out whether this approach could be useful in helping the students and teachers approach literature in the classrooms. Cognitive poetics, as expounded by Stockwell (2020), is an inter-disciplinary field that revolves around the science of reading literature. It involves a natural process of reading that creates an interaction between the reader and the literary text. The science of reading composes two main areas namely, on how the reader wishes to think about his or her interaction of the text and how the reader could reflect on the literary text and understand the content of the literary text. This opens the discussion for context which is an important concept in the field of cognitive poetics. Hence, the writers intended to find out whether this approach could be useful in helping the students and teachers approach literature in the classrooms.

RESULTS AND DISCUSSION

The aim of this study is to examine whether this approach could answer and address the problems faced by teachers and students in understanding literature and literary texts in the classrooms. The data collection was completed by using three research instruments and carried out in three phases; a semi-structured interviews with three teachers before class observations were conducted, class observations in the classrooms of their respective schools and post-observation semi-structured interviews as well as insights were documented in field notes. Three private secondary schools in the Klang Valley were selected and two female teachers and a male teacher consented to be participants in this study. A poem entitled *What happened to Lulu?* by Charles Causley was selected for the class activity during the class observation. In lieu of a comprehensive analysis for this study, this section will present a discussion on important discoveries highlighted by the three teachers during the post-

class observation interview sessions. The findings of the study have been presented in the form of the table below, detailing the experience and opinions of the three teachers in a semi-structured interview after their classes were observed. Each class was observed for 45 minutes and the interview after the class observation was conducted within an hour.

Table 1. Findings of the study

Interview Questions:			
1.After explaining, are the lessons similar to or different from the ones you taught over the years?			
Informant 1 (I1)	Informant 2 (I2)	Informant 3 (I3)	Themes
the lesson that I projected just now... it was... similar to the one I used to conduct	You are looking at the connotation basically, right... So, when you are talking about familiar thoughts... unfamiliar thoughts... So, in terms of that... I see similarity as well.	It's quite different actually... because we don't go in depth. Before this we only look at the literature and then try to understand it on the surface. So, it wasn't in depth appreciation such as this.	Cognitive Approach
2.Do you think the students could better understand the literary texts if you teach cognitive poetics in class?			
majority of them understand the poem... very well. Okay...they were able to think out of the box	For year 11, they already know it... It's... er... well, they have exposure to reading. Em... and they can do it.	Em... (long pause) maybe we can choose some of more... joyful content. Like the one we had before... they said... it's kind of emotional...	Effect of cognitive poetics approach on students' understanding
3.Do you think this approach is easier or more difficult for students?			
I think it is easier	For year 11, they already know it...	(Learning) proficiency is easier...	Students' acceptance

In the outcome of the study, the teachers shared their observations and insights after they taught a lesson by using the cognitive poetics approach. For the first interview question, I1 reported that she discovered the lessons derived from the cognitive poetics approach had been similar to the approaches that she used in her previous classes. Similarly, I2 stated that the cognitive approach she used in the class lesson observed was the same with her teaching method in the English Literature classes. In contrast, I3 remarked that the approach was very different to what they were used to as previously, they only covered the lesson on the surface and they did not delve into the contents. Secondly, I1 and I2 opined that the students comprehended the literary texts when the teachers used cognitive poetics as an approach whereas the third informant revealed that his students complained about the selected

poem, stating that the content was too emotional for analysis among secondary school students. In answering whether the approach is applicable for teaching and literature in the classrooms, I3 asserted that learning English for proficiency proved to be easier for the students as they lacked interest in English Literature. However, I1 concluded that using the approach made it easier for the students to understand the poem and I2 affirmed that the same approach had always been taught to the students albeit her not knowing about cognitive poetics before the study.

CONCLUSION

The use of cognitive poetics as an approach is practical to assist teachers in delivering organised and systematic lessons in English Literature classrooms. The insights shared by the three informants lead to the conclusion that teachers should be equipped with teaching strategies to elicit students' curiosity in exploring literary works and studying them in depth. Developing interest in literature among the students depend largely on the teaching approaches delivered by teachers in the classroom activities. Numerous research has shown that teachers adopted various approaches in delivering the lessons, however a systematic approach that is brought forward in cognitive poetics could create a deep interest in students to study the subject. For this study, the writers hope that the results of this research could impart knowledge on another approach as an addition to the existing approaches in teaching literature that are implemented in classrooms presently.

ACKNOWLEDGEMENTS

The writers would like to express utmost appreciation to the Kuliyyah of Education, International Islamic University Malaysia as well as principals and school management of the three selected schools in the Klang Valley. Many thanks to Mr. Mohammed Fadhl Shaif Al-Muntaser Al-Mattar Al-Yafai for the financial support.

REFERENCES

- Chin, C. & Chua, R. (2019, June 23). New syllabus good, but can be better. *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/education/2019/06/23/new-syllabus-good-but-can-be-better>
- Mustakim, S.S., Mustapha, R. & Lebar, O. (2012). Teacher's Approaches in Teaching Literature: Observations of ESL Classroom. *Malaysian Online Journal of Educational Science*, 2(4), 35-44. <https://www.semanticscholar.org/paper/TEACHER'S-APPROACHES-IN-TEACHING-LITERATURE%3A-OF-ESL-Mustakim-Mustapha/5dea2038d5757b80fb8bc3a6408db269e3987f7d>
- Sidhu, G.K. & Chan, Y.K. (2010). Instructional Practices in Teaching Literature: Observations of ESL Classrooms in Malaysia. *English Language Teaching*. Retrieved from www.ccsenet.org/elt

- Stockwell, P. (2020). *Cognitive Poetics: An Introduction (2nd Edition)*. Routledge Taylor & Francis Group.
- Subramaniam, G. (2007). The Changing Tenor of English in Multicultural Postcolonial Malaysia. *3L; Language, Linguistics and Literature, The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 13, 53–75.
- Suliman, A., & Yunus, M.M. (2014). The Re-Introduction of English Literature Subject in Malaysian Secondary Schools; Urban versus Rural Teachers. *Journal of Education and Human Development*, 3(2), 943-955.
- Talif, R. (1991). Teaching literature in ESL in a Malaysian context: (proposed INSET course designs for literature in ESL instruction) (Published doctoral dissertation). <http://eprints.nottingham.ac.uk/11560/1/304973.pdf>

Unsur Ragam Bahasa Sindiran Dalam Penilaian Puisi Bagi Kursus Gema Semarak Puisi

[1]*Azlan Ahmad, [2] Noorhazila Mohd Hamid, [3] Daing Zairi Ma'arof

[1][2][3] Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia

*az_ahmad@ukm.edu.my, hazilahamid@ukm.edu.my, dzm@ukm.edu.my

ABSTRAK

Dalam penulisan karya kreatif, gaya bahasa dapat memperlihatkan keindahan dalam sesuatu karya. Penggunaan gaya bahasa yang tersirat oleh penulis bertujuan untuk meluahkan sesuatu perasaan sama ada berbentuk kesedihan, kemarahan, keresahan ataupun kegembiraan. Kewujudan kursus Gema Semarak Puisi yang ditawarkan kepada pelajar prasiswazah memberi peluang kepada mereka untuk berkarya. Karya yang dihasilkan oleh pelajar ini juga memiliki unsur-unsur luahan perasaan terhadap sesuatu perkara. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti unsur ragam bahasa sindiran yang wujud dalam penilaian kursus ini. Kajian ini dianalisis berdasarkan penulisan puisi pelajar yang merupakan salah satu elemen penilaian kursus. Kaedah kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan instrumen tugas penilaian sebagai data kajian dengan teknik analisis kandungan. Hasil dapatan kajian mendapati unsur bahasa sindiran jenis ironi, sarkastik dan sinisme terdapat dalam penulisan pelajar dengan bahasa sindiran sarkastik paling banyak ditemukan. Ketiga-tiga bahasa sindiran ini lebih berupa luahan perasaan tidak puas hati seperti sedih, kecewa, marah, geram, benci dan sebagainya. Ragam bahasa sindiran ini merupakan manifestasi emosi manusia sejagat terhadap isu kemanusiaan yang marak diperkatakan di seluruh dunia melibatkan Palestin yang dizalimi oleh Israel. Kajian ini menyarankan agar lebih banyak unsur ragam bahasa yang boleh dikenal pasti bukan sahaja dalam karya puisi tetapi juga dalam karya pantun, syair, cerpen dan sebagainya bagi melihat keindahan dan kepelbagaian gaya penyampaian yang digunakan dalam sesuatu karya.

Kata Kunci: *Bahasa sindiran; Karya pelajar; Kekekapan; Penilaian kursus; Puisi sonian*

PENGENALAN

Bahasa sindiran juga dikenali sebagai bahasa yang mempunyai ragam kerana bahasa sindiran digunakan seseorang mengikut konteks situasi yang sesuai. Bahasa sindiran merupakan satu bentuk kata yang mempunyai makna yang tersirat dan sering digunakan oleh masyarakat Melayu. Bahasa sindiran terbahagi kepada tiga iaitu unsur ironi, unsur sinisme dan unsur sarkasme (Keraf, 2007). Unsur ironi bermaksud bahasa sindiran halus yang mengandungi makna di sebaliknya. Penggunaan

unsur ironi dalam sindiran bertujuan untuk menyindir seseorang dengan ujaran yang mempunyai makna bertentangan dengan makna literal. Sinisme bermaksud satu sindiran yang berbentuk kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan dan ketulusan hati. Penggunaan sindiran berunsur sarkasme pula dianggap sebagai lebih kasar daripada ironi dan sinisme. Keraf (2007) menyatakan bahawa sarkasme merupakan ujaran yang mengandungi kepahitan dan celaan yang getir. Penggunaan gaya sarkasme akan menyakiti dan kurang enak didengar. Sehubungan dengan itu, dalam konteks makalah ini, ujaran sindiran yang diteliti menjurus kepada sindiran ironi, sarkasme dan sinisme. Penelitian ini bertujuan bagi melihat bentuk sindiran mana yang lebih banyak digunakan oleh responden dalam karya puisi bertemakan “Apresiasi Untukmu Palestin”.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Bagi meneliti senario ragam bahasa sindiran yang terjadi dalam kehidupan semasa, satu kajian dan pemerhatian dilaksanakan terhadap kajian lalu berkenaan puisi hasil karya pelajar dalam kursus Gema Semarak Puisi iaitu dalam buku Antologi Puisi Bertema Apresiasi Untukmu Palestin melalui karya sajak berpola iaitu Sonian. Sonian ialah puisi berpola yang mempunyai format tertentu iaitu 6-5-4-3 sukukata pada setiap baris. Misalnya seperti berikut,

Negara Palestin	(6 sukukata)
bumi yang berkah	(5 sukukata)
penuh rahmat	(4 sukukata)
dan ibrah	(3 sukukata)

Metodologi yang digunakan ini dilihat mampu mencerminkan perkembangan aktiviti kajian berkenaan sindirin halus yang berfokus kepada puisi serta memperlihatkan kepelbagaian rentak penyampaian sindiran yang diaplikasi menerusi penulisan karya puisi ini. Pendekatan ini digunakan bagi mencapai objektif dan dapat mengetahui sejauh mana unsur ragam bahasa sindiran kerap digunakan dalam penulisan puisi bertemakan “Apresiasi Untukmu Palestin” atau terdapat unsur ragam bahasa lain juga turut mempengaruhi penulisan puisi ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pemilihan data dibuat berdasarkan kepada ketiga-tiga jenis bahasa sindiran iaitu ironi, sarkastik dan sinisme yang terdapat dalam tema puisi “Apresiasi Untukmu Palestin” yang terdapat dalam buku Antologi Puisi Bertema. Kajian ini akan menyenaraikan data-data kajian berdasarkan jenis-jenis bahasa sindiran iaitu jenis ironi, sarkastik dan sinisme. Pengkaji memilih ragam bahasa sindiran ini kerana beranggapan bahawa ragam bahasa sindiran ini lebih dekat kepada emosi yang tidak stabil seperti marah, sedih, tidak puas hati dan kecewa terhadap sesuatu perkara atau hal yang terjadi. Isu kemanusiaan yang terdapat tema puisi “Apresiasi Untukmu Palestin” ini dijangkakan paling banyak

digunakan oleh penulis untuk menggunakan ragam bahasa sindiran dalam karya ini. Oleh yang demikian, dapatan dan perbincangan ini akan melihat ujaran yang digunakan dalam ragam bahasa sindiran yang meliputi jenis ironi, sarkastik dan sinisme.

Sindiran Ironi

Keraf (2007) mengatakan bahawa bahasa sindiran jenis ironi merupakan satu acuan yang mempunyai makna yang berlainan dari perkara yang terkandung rangkaian kata. Dalam erti kata lain, ironi merupakan satu sindiran yang dilakukan secara tidak langsung dan ayat yang diujarkan bertentangan dengan apa yang tersurat dalam ujaran tersebut. Berikut senarai bahasa sindiran jenis ironi berdasarkan ujaran yang terdapat dalam karya responden dalam buku Antologi Puisi Bertema “Apresiasi Untukmu Palestin”.

Jadual 1. Ragam Bahasa Sindiran Ironi

Jenis	Data	Ujaran
Ironi	1	Begitulah sikap sang pendatang yang sedar dirinya.
	2	Israel Zionis bukan pendatang hanya datang menumpang.
	3	Hidupnya yang senang di bumi Gaza tanah ini ratahlah.
	4	Adanya pendatang tanah airku dijejaki bahagia.
	5	Rumah diletupkan nyawa melayang sudah lumrah berdamai.

Sindiran Sarkastik

Sindiran jenis sarkastik pula merupakan penggunaan kata yang bersifat keras dan kasar dengan tujuan untuk menyindir seseorang atau sekelompok masyarakat. Jadual 2 di bawah ini menunjukkan contoh ragam bahasa sindiran sarkastik yang digunakan dalam puisi bertemakan “Apresiasi Untukmu Palestin”.

Jadual 2. Ragam Bahasa Sindiran Sarkastik

Jenis	Data	Ujaran
Sarkastik	1	Di dunia kau lepas. Di akhirat neraka jahanam tempatmu.
	2	Lahanat si Israel. Mampuslah engkau.
	3	Si Zionis celaka, pembunuh manusia.
	4	Semua orang abai tentang isu ini pembohongan melanda.
	5	Di tanahku ini, aku dicaci dan diusir kejamnya.

Sindiran Sinisme

Menurut Keraf (2007) sindiran jenis sinisme merupakan suatu sindiran yang berbentuk kesangsian yang mengandung ejekan terhadap keikhlasan atau ketulusan hati penutur. Dalam erti kata lain, sindiran ini merupakan perkataan sindiran yang lebih kasar daripada ironi. Perhatikan Jadual 3 yang memaparkan ragam bahasa sindiran sinisme.

Jadual 3. Ragam Bahasa Sindiran Sinisme

Jenis	Data	Ujaran
Sinisme	1	Sikapmu berpura di depan dunia cuba alih pandangan.
	2	Begitulah engkau insan durjana lupa diri sebenar.
	3	Itulah Israel, diberi betis hendak paha semua.
	4	Seluruh dunia menutup mata memihak Benjamin
	5	Masyarakat buta pemimpin alpa leka dengan kuasa.

Daripada 65 karya puisi yang bertemakan Apresiasi Untukmu Palestin, terdapat sebanyak 15 ujaran rangkap puisi yang termasuk dalam kategori bahasa sindiran ironi. Terdapat 40 rangkap puisi dalam kategori sarkasme. Manakala bahasa sindiran sinisme pula mencatatkan sebanyak 45 rangkap puisi. Daripada ketiga-tiga kategori bahasa sindiran ini, bahasa sindiran sinisme mencatatkan jumlah puisi yang paling tinggi berbanding bahasa sindiran ironi dan sarkastik. Hal ini kerana bahasa sindiran sinisme lebih dekat dengan emosi yang sedang marak dengan perasaan marah, benci dan geram yang diluahkan secara sinis terhadap sesuatu perkara seperti isu kemanusiaan yang sedang berlaku di Palestin. Walau bagaimanapun, terhadap ragam bahasa lain seperti ragam bahasa merendah, naik, turun, pertanyaan ingkar, seruan/keluhan dan berulang. Walau bagaimanapun, ragam bahasa jenis ini tidak begitu banyak ditemui dalam puisi ini berbanding ragam bahasa sindiran.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian ini dapat dilihat petikan ujaran rangkap puisi menggunakan bahasa sindiran seperti ironi, sarkastik dan sinisme sebagai bahasa yang mempunyai makna yang tersirat dan tersurat yang disampaikan dengan cara tertentu oleh penulis bagi menggambarkan perasan penulis terhadap isu kemanusiaan yang berlaku di Palestin. Isu yang sangat rapat dengan masyarakat dunia terutama masyarakat yang beragama Islam ini telah meruntun hati responden untuk meluahkan rasa simpati, kecewa, benci, tidak puas hati dan sedih dengan situasi yang berlaku di sana. Selain itu, ragam bahasa sindiran ini juga mungkin boleh digunakan dalam karya puisi tema yang lain atau bentuk penulisan kreatif yang lain pada masa yang akan datang.

PENGHARGAAN

Ribuan terima kasih kepada semua pelajar kursus LMCR3262 Gema Semarak Puisi yang telah menyumbangkan karya mereka dalam Antologi Puisi Bertema:Universiti Watan Tercinta dan Apresiasi Untukmu Palestin dan juga ucapan terima kasih juga kepada rakan pengkaji yang turut sama dalam menyediakan kajian ini.

RUJUKAN

- Arba'ie Sujud. (2010). *Apresiasi Bahasa: Interpretasi dan Ekspresi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlan Ahmad. (2024). *Antologi Puisi Bertema: Universiti Watan Tercinta & Apresiasi Untukmu Palestin*. Selangor. Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Keraf, G. (2007). *Diksi dan gaya bahasa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka
- Kurniawan, Andre (2020). Kurniawan, Andre, ed. "Memahami Apa Itu Sarkas serta Perbedaannya dengan Satire dan Ironi". Merdeka.com..

ESL Teaching Techniques: Utilizing ICT Devices to Enhance Speaking Skills

[1]*Elevia Alfren Jalius, [2] Megawati Soekarno

[1]SK Kem Kabota, Tawau, Sabah.

[2] Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah

*eleviaalfren@gmail.com, megawati.s@ums.edu.my

ABSTRACT

Teaching English as Second Language (ESL) to the young learners who have zero knowledge of English language is challenging for English teachers. The teachers are required to provide attractive activities in engaging students to the lesson. Thus, many English teachers had been utilizing Information Communication Technology (ICT) devices to deliver lesson in the classroom since few decades ago. ICT devices had emerged as essential tools for fostering dynamic and engaging learning environment and play a pivotal role in cultivating enjoyable learning environment. There were few studies affirmed that ICT devices have enhance the students' four language skills such as listening, speaking, reading and writing. This case study aims to explore on the teachers and students' perception of the integration of ICT devices in teaching literature. The participants are primary school teachers and Year 5 students of the schools located at the remote area in Keningau, Sabah, Malaysia. A qualitative method employed to gather the data and thematic analysis was used to present the finding for this study. The findings revealed a notable enhancement in students' speaking proficiency when integrating multimedia tools such as LCD projector, laptop, speakers, pictures, slide presentation and audio visual into the learning process. Through the incorporation of these multimedia elements during lessons, the students shown improvement in their speaking skills.

Keywords: *English as Second Language; ESL; Information Communication Technology; ICT; Speaking skill; Literature*

INTRODUCTION

Information Communication Technology (ICT) has become an essential tool for teaching and learning inside and outside the classroom. The integration of ICT with English language lesson provided positive impact in improving the students' speaking proficiency in English language. The ICT devices such as speaker, LCD projector, smartpone and laptop are crucial devices in delivering

a lesson to the students. Cited from Mohammad Ilyas *et al.* (2021), the findings from Zayli'e (2007); Kondo *et al.* (2012) indicated that ICT provided positive improvement on the students' language proficiency in studying comprehension, knowledge and composition. Moreover, the ICT devices provided the students with sufficient exposure to the target language. The findings also indicated that the students who use ICT such as audio, video and messaging gained better marks in their English test.

Research Objective

The objectives of this study are:

- (i) to investigate the teachers' perception on the integration of ICT devices in literature lesson and
- (ii) to explore the students' perception on the integration of ICT devices in the English lesson.

METHODOLOGY

For this study, the researcher employed qualitative approach and case study design. The approach suitable in investigating the opinions or perceptions from the participants (Creswell & Creswell, 2018). The research instruments used in this study are the semi-structured interviews and the reflective writing. Therefore, the data analysed using coding and thematic analysis.

Research Participants

To choose the participants in this study, the non-probability sampling was adopted. According to Nikopoulou (2022), this sampling reduced the risk of research biases in the sample selection. The participants selected for this study are four English teachers and four Year 5 students from Keningau. In addition, the selected schools located in the rural area.

Table 1.0 Demographic Information of Participants

Participant (teacher)	Teaching experience	Utilizing ict In teaching
PTi	>7 years	Yes
PTii	>7 years	Yes
PTii	>7 years	Yes
PTiii	>7 years	Yes
Participant (student)	Age	Exposed to ict In learning
Psi	11	Yes
PSii	11	Yes
PSiii	11	Yes
PSiv	11	Yes

RESULTS AND DISCUSSION

The results are presented in a tabular format which adapted from Cloutier and Ravasi (2020). The table could help in planning and sorting extensive data in various ways.

The results of this study displayed in the table below and the research question posed for the teachers is “*Do you think that ICT devices making the lesson more motivating and engaging for the students?*” Therefore, positive feedbacks were attained from all of the teachers.

Table 2.0 Results from the Teachers

Theme	ICT and Students Engagement
<i>N</i> of participants contributing (<i>N</i> =4)	4
Excerpts from teachers' interviews	<p>PTi: Absolutely, ICT devices can greatly enhance the literature lesson experience. They provide access to a wealth of digital literature resources, multimedia presentations, and interactive activities that can make learning more enjoyable and engaging for students. By using the ICT devices, they are more focused and their retention of details during the lesson increases. The students more attracted to the lesson when using ICT devices.</p> <p>PTii: Yes, of course. Yes, I find that um it's still uh better engaging. Because um I can get their full attention. um for example yeah, if I want to teach that time, I want to teach um poem, so normally in my early stage of Lesson plan, in the pre-lesson, I will show them um the correct way. um in a video, how is the person recite the poem uh in with correct uh and good pronunciation and all that. so not only for them not only I can get their um attention interest but this will also help in my um the objective of my lesson. Because in the middle's um of my lessons, when I asked them to recite the poem, they have already had the idea how to um recite the poem in a correct order.</p> <p>PTiii: Yes, definitely. It shows very big differences when I use the contemporary style compared to using the ICT. They show a lot of interest and actively participating in the lesson. Even for students who are Band 3, they shown a lot of interest because of the implementation ICT. Even though it's a simple lesson and it's hard for them to catch up. But, because of using the ICT, they push themselves to be involved in the lesson. They definitely show a big different in learning compared to the contemporary style. Even when you teaching literature lesson.</p> <p>PTiv: They are more engaged in the lesson when using ICT devices compared to when we just use chalk and talk. When I use video in teaching them or using colorful pictures, they pay attention to it. Both the low proficient and high proficient students enjoy the lesson and are more engaged.</p>

The question posed for the students on their views of the integration of ICT, “*How do you find that the integration of ICT with literature lesson will enhance your speaking skill in English language?*”

Table 3.0 Results from the Students

Theme	Students' Perceptions on the Integration of ICT in English Language Lesson
<i>N</i> of participants contributing (<i>N</i> =4)	4
Students' Reflective Writing	<p>PSi: We can listen clearly and say the words we hear from teacher and the audio. We can practice pronouncing the words while listening to the audio. The inclusion of LCD in the lesson will be more fun to learn because we can see the picture. It is very fun to learn English then.</p> <p>PSii: I can listen to the pronunciation and the words stress correctly with the help of the audio and the picture caught me to pay attention during the lesson. Because my teacher always use LCD, so I am really excited to learn.</p> <p>PSiii: I think it help me a lot. It makes me understand easier. Now I can speak English more better. It make my listening and speaking skill much better. When my teacher play a video, I can listen to the pronunciation more better and I can say the words better.</p> <p>PSiv: When I do the poem recitation activity with my friends, I'm able to speak with them. When I role play the character in the graphic novel, I can speak with my friends in English using the text in the novel. It is more fun and I enjoy to learn when my teacher uses LCD to teach us. I also like it when my teacher use audio with speaker to teach us the listening and speaking activity. My confidence in speaking is improving.</p>

The results indicated that the ICT devices contribute in enhancing the students' speaking proficiency in English language. Moreover, ICT devices assisted the teachers in delivering a lesson where the students are well motivated and engaged more in their study. Thus, ICT devices definitely an essential tool in teaching and learning in this 21st century learning.

CONCLUSION

The ICT devices helped in enhancing the quality of English language lesson such as enhancing the students' speaking skill, increased the student's engagement, and the lesson more motivating. In the other hand, the teachers shown tendency in utilizing ICT devices inside the classroom. However, insufficient ICT rooms at school hinder them to use the LCD regularly in delivering their lesson. Thus, the education department should come out on a new plan in providing sufficient ICT devices to all schools in need of the devices especially the schools located in the rural and suburban area.

ACKNOWLEDGEMENT

Many thanks to my supervisor, my family, friends and colleagues. I am also grateful to all the participants involved in this study. Thank you for all your time.

REFERENCES

- Bindu, C. N., (2016). Impact of ICT on Teaching and Learning: A Literature Review. *International Journal of Management and Commerce Innovations, Vol. 4, Issue 1, pp: (24-31)*. www.researchpublish.com
- Braun, V., & Clarke, V., (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology, 3(2)*, 77-101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Cloutier, C., & Ravasi, D., (2020). Using Tables to Enhance Trustworthiness in Qualitative Research. *DOI: 10.1177/1476127020979329*
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D., (2018). Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (Fifth Edition). *SAGE Publications Ltd.*
- Mohammad Ilyas, Bacha, M. S., & Rustum, R., (2021). The Impact of Information Communication Technology (ICT) on Students Integrated Skills At Bs Level: A Case Study of Pashto L1 Speakers in District Dir Upper. *Webology, Volume 18, Number 2, 2021*. <http://www.webology.org>
- Nikopoulou, K., (2022). What is Convenience Sampling?: Definitions & Examples. <https://www.scribbr.com/methodology/convenience-sampling/>



In collaboration with: